

AHMAD LUTFI OTHMAN

**ANWAR
TERJERAT?**

PENERBITAN PEMUDA
KUALA LUMPUR

Cetakan Pertama - September 1997

○ **Hakcipta terpelihara.**

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada **PENERBITAN PEMUDA.**

Diterbitkan oleh:

PENERBITAN PEMUDA

34M, Jalan Dewan Sultan Sulaiman

Off Jalan Tuanku Abd. Rahman

50300 Kuala Lumpur

Tel: 03-4977619 (R).

APB 941053

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MAR 1998

m
300.9595092
A-1M

54
108

KANDUNGAN



Jika Anwar Benar-benar Bersih, Apa Yang Ditakutkan?	...	5
Skandal Seks Senjata Ampuh Jatuhkan Pemimpin	...	11
Teori Konspirasi Tuduhan Skandal Seks	...	23
Hisham Uji Wibawa Zahid	...	69
Politik Wang Dari Perspektif Islam: Sistem Perlu Berubah Serentak	...	83
Antara Pendekatan Dakwah dan Menyatakan Hukum: Anwar Keliru	...	97

PENDAHULUAN



JIKA ANWAR BENAR-BENAR BERSIH, APA YANG DITAKUTKAN?

Amat tidak adil sama sekali jika hanya bersumberkan surat misteri, yang tidak dapat dipastikan kebenarannya, buku ini ditulis dan menjadikan Anwar sebagai sasaran atau pesalah. Cukuplah dengan bebanan krisis kewangan negara yang menimpanya hingga memungkinkannya beliau terpaksa meletakkan jawatan Menteri Kewangan, kini timbul pula tuduhan Anwar terbabit dengan skandal seks, sesuatu yang tidak pernah terfikir boleh disabitkan dengan batang tubuh Timbalan Presiden Umno itu. Bukankah Anwar selama ini dianggap jaguh segala usaha pembersihan Umno sehingga Rahim Tamby Chik boleh terpercil dan diketepikan? Bukankah Anwar selama ini merupakan satu-satunya pemimpin Umno yang pantang dipelawa untuk berkhotbah

di atas mimbar Jumaat dan menampilkan citra Islamik untuk berdepan dengan PAS serta menyekat pengaruh Parti Islam itu?

Tuduhan Anwar terbabit dengan skandal seks masih diselaputi persoalan yang tidak mampu untuk dijawab kerana ia berbeza daripada surat-surat layang yang lazim. Saya sendiri pada mulanya langsung tidak percaya, walaupun sedikit, tentang apa yang didakwa dalam surat berkenaan. Masakan Anwar boleh terjerat dalam lingkaran setan yang cukup memualkan itu. Lagipun tuduhan zina bukan boleh dibuat sebarang, kalau ia jelas berunsur fitnah kesalahan itu boleh digolongkan dalam kes Hudud. Bagi penulis dan penyebar surat layang, mereka harus menginsafi, sebarang tindakan di dunia ini akan dihisab di hari Akhirat nanti, yang mana segala harta kekayaan dan pangkat kedudukan tidak bermakna lagi. Ya, apalah yang ada pada timbunan daki di dunia ini berbanding janji-janji Allah yang berupa limpahan kenikmatan ataupun bebanan penyiksaan.

Atas asas itu, mungkin ada pembaca yang bertanya, mengapa pula saya memfokuskan kandungan buku ini kepada persoalan di sekitar surat misteri yang sememangnya telahpun dinafikan Mahathir sendiri? Anwar adalah pemimpin masa depan negara ini. Misi Anwar jelas, di samping meneruskan wawasan yang digariskan Mahathir dan memperkukuhkan asas serta pertumbuhan ekonomi negara, soal akhlak, moral, prinsip perjuangan, maruah dan martabat ummah akan dipastikan menduduki agenda utama negara. Harapan pendokong kebangkitan Islam kepada Anwar tidak

pernah pudar. Justeru Anwar tidak seharusnya menghampakan harapan mereka. Niat mereka jauh lebih kudus dan ikhlas daripada juak-juak di kiri-kanan Anwar yang bernafsu serakah mereka untuk membaham setiap peluang ekonomi yang terhidang.

Anwar bukan malaikat, itu semua orang tahu. Anwar juga terdedah dengan kesalahan dan kealpaan. Dan Anwar sendiri mempunyai musuh dan seteru politik yang ramai. Golongan ini, secara logiknya, akan memanfaatkan setiap kesempatan dan peluang yang ada untuk "membunuh" kerjaya politik Anwar yang sentiasa cemerlang itu. Mereka akan menjadikan kesalahan atau kesilapan Anwar, yang mungkin dianggap kecil, sebagai alasan untuk mengasak Anwar ke dinding. Ini bukan fenomena baru dalam Umno. Anwar juga akan berbuat perkara yang sama apabila berdepan dengan seteru politiknya. Lihatlah nasib malang yang menimpa bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba. Seluruh jentera kempen Anwar dikerah berdepan dengan Ghafar yang sedia tidak bermaya itu. Ghafar dimalukan semahu mungkin. Sesungguhnya dalam sepak terajang politik Umno, tidak ada makna simpati atau kasihan belas. Yang berkuasa itu benar, dan yang benar itu berkuasa. Sekali tersungkur, tiada siapa akan peduli lagi. Lihatlah apa yang berlaku kepada Muhammad MuhdTaib. Bandingkan hidupnya dulu dengan keadaannya hari ini.

Buat masa ini tekanan kepada Anwar lebih kepada ketidakupayaannya memimpin Kementerian Kewangan dan kedangkalannya memahami isu-isu ekonomi dan kewangan dengan baik. Dalam hal ini imejnya

tidak begitu goyah kerana umum maklum tentang kekuatan dan kelemahan Anwar. Tetapi jika Anwar boleh terpalit dengan dakwaan skandal seks, masa depan politiknya pasti kelam dan hitam. Kita tentu tidak mempercayainya tetapi Anwar bukan malaikat, malah keperibadiannya diangkat terlalu tinggi daripada yang sepatutnya. Anwar kadang-kadang nampak sengaja mahu menonjolkan dirinya serba tahu dalam bidang agama, dan ini boleh memerangkapnya satu hari nanti. Imej orang agama mudah dimusnahkan apabila melakukan perbuatan mungkar atau yang melanggar susila, sedangkan perbuatan yang sama kalau dilakukan oleh orang awam tidaklah begitu diambil serius.

Oleh itu Anwar harus memandang serius terhadap serangan yang berupa tuduhan skandal seks ke atasnya. Mungkinkah perlakuan Anwar selama ini, tanpa disedarinya, boleh menimbulkan fitnah dan tuduhan buruk, khususnya dari segi pergaulan dengan wanita bukan muhrim. Selalunya apabila kita terbiasa dengan amalan yang sebenarnya kurang baik, tetapi kerana kerap dilazimi perbuatan tersebut, apatah lagi jika tidak mendapat teguran, kita seakan-akan lupa bahawa kita sedang melakukan aktiviti mungkar. Misalnya, hubungan mesra dengan wanita yang dianggap keluarga terdekat, sedangkan hukum tetap membatasinya. Masyarakat sekitar pun tidak memandangnya sebagai perbuatan menjolok mata. Dalam keadaan seumpama itu amat mudah berlaku "sumbang mahram" atau yang sejenis dengannya. Bukankah tindakan kita yang sengaja mendedahkan diri dengan fitnah juga merupakan kesalahan yang mesti dihindarkan? Apabila berlaku serangan fitnah ke atas diri kita, muhasabahlah

diri, apakah keterlanjuran yang telah aku lakukan sehingga fitnah boleh menimpa diri kita? Anwar juga tidak terkecuali untuk berbuat demikian.

Manakala seteru-seteru politik Anwar jangan pula terlalu ghairah menanggung di air keruh; kehidupan mereka sendiri sesetengahnya bergelumang dengan maksiat dan mungkar. Harta negara dianggap sebagai khazanah sendiri, yang diagih-agihkan sesama kelompok dan kerabat terdekat walhal rakyat bawahan berhempas-pulas mencari sumber pendapatan yang mencukupi. Rasuah dan korupsi menjadi budaya hidup, dan golongan ini tidak ambil peduli dengan apa yang diisytiharkan jihad memerangi rasuah kerana mereka tahu di mana lubang keluarnya.

Akhirnya, saya amat mengharapkan semoga usaha kerdil ini tidak memarakan lagi fitnah yang sedia merebak. Kalau ada pun ia bukan atas kehendak saya. Bagi saya, penghujahan terhadap kes Anwar ini adalah bagi menyerlahkan kedudukan Anwar yang sebenarnya. Kalau Anwar benar-benar bersih, fitnahlah, tohmahlah, tuduhlah, wibawa Anwar tetap tidak terjejas malah semakin bersinar. Tapi yang saya bimbang takut-takut Anwar juga terlajak batas.

AHMAD LUTFI OTHMAN

Gombak, Selangor.

Isnin, 1 September 1997; 3:48 petang

SKANDAL SEKS SENJATA AMPUH JATUHKAN PEMIMPIN



Di sebalik segala ideologi dan nilai-nilai murni, politik tetap merupakan bidang yang menghalalkan cara untuk mencapai matlamat. Pemimpin naik dengan pelbagai cara, halal atau haram, baik dari segi undang-undang, etika atau nilai masing-masing. Pemimpin juga dijatuhkan dengan cara yang serupa.

Kalau zaman pra-demokrasi, pemimpin dijatuhkan dengan keganasan seperti rampasan kuasa dan pembunuhan dan pemenjaraan, pada masa ini, pemimpin dijatuhkan melalui fitnah dan skandal. Cara ini lebih berkesan, malah lebih licin daripada cara keganasan.

Ada pelbagai jenis fitnah dan skandal yang boleh digunakan. Skandal rasuah atau skandal penyalahgunaan kuasa adalah di antaranya. Akan tetapi skandal yang paling berkesan untuk menjatuhkan pemimpin ialah skandal seks. Ia digunakan di mana-mana, sejak berzaman dan ternyata berkesan.

Sungguhpun begitu, tidaklah ia bererti skandal itu sentiasa berjaya. Kadangkala, seperti apa saja senjata, ia boleh memakan tuan. Akan tetapi jika digunakan dengan sebaiknya, ia boleh mendatangkan kejayaan bagi penggunanya.

Pada masa ini, pemimpin yang sedang menghadapi serangan skandal seks ialah Presiden Clinton sendiri. Dia akan didakwa di mahkamah kerana dituduh melakukan perkara sumbang beberapa tahun dahulu ketika dia menjadi Gabenor Arkansas. Soal perkara itu betul atau tidak, itu perkara kedua. Yang jelas pihak penentangannya menggunakan segala cara supaya presiden itu didakwa.

Lebih hampir dengan kita ialah tuduhan skandal seks yang dihadapi oleh Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim. Ia membabitkan surat layang, dan rakyat mengetahuinya melalui komen-komen yang diberikan sendiri oleh Perdana Menteri, Mahathir Mohamad.

Dalam sejarah kotemporari, kejatuhan bekas Ketua Menteri Melaka, Rahim Thamby Chik adalah contoh klasik yang mana seorang pemimpin yang mempunyai bintang baik telah jatuh kerana skandal seks. Begitu juga dengan bekas Menteri Besar Selangor, Muham-

mad bin Muhd Taib, skandal seks juga menyumbang kepada kejatuhannya. Walaupun akhirnya kejatuhannya akibat skandal wang, tetapi dia sendiri pernah tersangkut dengan skandal seks puteri raja.

Di pihak pembangkang, pemimpin Pemuda PAS, Muhammad Sabu juga pernah diancam dengan skandal seks, walaupun berbentuk tuduhan khalwat. Sungguhpun dia berjaya mengelak daripada dijatuhkan, tetapi di kalangan ahli-ahli PAS, kalau tidak pun para pengundi, kewibawaannya sudah tercemar. Dalam pemilihan Ketua Pemuda PAS, Muhamad Sabu gagal menjatuhkan Ustaz Abu Bakar Chik.

Dalam dekad yang lalu, seorang bekas Menteri Besar Kedah juga tumbang kerana skandal seks yang dikempen oleh PAS melalui video. Video itu sebenarnya hanya untuk mereka tertentu sahaja, tetapi apabila jatuh ke tangan musuh-musuh politik Syed Nahar, ia berjaya dipolitikkan.

Usaha untuk mewujudkan skandal seks bagi menjatuhkan pemimpin berlaku di mana-mana. Mahathir, seperti yang diakuinya sendiri, pernah dituduh melakukan sesuatu yang ada hubungan dengan seks. Begitu juga dengan Tengku Razaleigh, Musa Hitam dan pemimpin-pemimpin lain. Surat layang mengenai skandal seks mudah untuk dibuat. Cuma sama ada ia berkesan atau tidak adalah soal lain.

Di sini perlu sedikit definisi. Apakah itu skandal seks? Secara luas, skandal seks adalah tuduhan terhadap seseorang tentang perbuatan yang ada hubungan

dengan seks hingga menimbulkan keraguan dan memberikan imej buruk. Ada pihak yang menyebut skandal sebagai fitnah. Takrifan itu tidak tepat. Fitnah bererti suatu penipuan. Fitnah bererti perbuatan itu tidak dilakukan. Akan tetapi dalam skandal seks, perbuatan itu mungkin dilakukan. Cuma kebenaran tidak dapat ditetapkan. Walaupun sesuatu kes itu berjaya dibawa ke mahkamah, kebenaran hakiki masih tidak dapat ditetapkan. Ia bergantung kepada mekanisme kehakiman, kerajaan, institusi politik dan sensitiviti masyarakat setempat bagi menentukan hasil sesuatu skandal itu.

Seks pula bukanlah bererti persetubuhan haram semata-mata. Ia disebut seks daripada hubungan sulit yang tidak melibatkan persetubuhan hinggalah kepada persetubuhan dengan gadis bawah umur. Sekadar hubungan intim juga dianggap seks. Begitu juga dengan khalwat. Seks bererti hubungan lelaki dan perempuan, daripada sekadar kenalan hinggalah perbuatan yang mendalam. Malah hubungan pelik antara lelaki dengan lelaki lain juga dianggap sebagai skandal seks.

Skandal seks juga membabitkan perbuatan-perbuatan yang tidak melanggar undang-undang seperti perkahwinan biasa. Sekiranya ia dilakukan di luar amalan biasa masyarakat, atau walaupun dilakukan secara biasa, tetapi dipandang serong oleh masyarakat, maka ia dianggap sebagai skandal seks. Seperti kahwin lari, berpoligami dan sebagainya.

Secara umum, skandal seks merupakan suatu yang

biasa berlaku ke atas manusia. Dalam kehidupan seseorang sudah tentu berlaku sesuatu peristiwa peribadi yang berpunca daripada keadaan emosi masing-masing dengan melibatkan keadaan sekelilingnya. Kadangkala perbuatan-perbuatan itu suatu yang memalukan, iaitu apabila diukur dengan nilai-nilai moral masyarakat tempatan. Bagaimanapun kebanyakan orang adalah anggota masyarakat biasa, perbuatan mereka tidaklah menarik perhatian orang ramai, kecuali kawan-kawan di sekelilingnya yang bercerita secara umpatan.

Bagaimanapun, bagi orang-orang yang terkenal seperti ahli-ahli politik dan para artis yang glamour, kehidupan peribadi mereka sudah tentu menjadi perhatian rakyat negara tertentu. Mereka akan dicemuh atau diumpat atas skandal-skandal yang dilakukan. Bagi para artis, skandal seumpama itu mungkin tidak akan menjejaskan karier mereka, walaupun imej mereka tercemar, malah kadang kala menambah populariti mereka. Karier mereka bergantung kepada publisiti, sama ada baik atau buruk. Dalam pada itu prestasi seni mereka hendaklah kuat. Publisiti boleh membantu melariskan jualan album atau filem lakonan mereka. Akan tetapi jika prestasi mereka tidak baik, iaitu nyanyian mereka tidak bermutu, banyak mana publisiti tidak juga akan mendatangkan kesan baik kepada karier mereka.

Bagi ahli-ahli politik, bagaimanapun, sebarang imej buruk, terutamanya seperti skandal seks, ia akan mendatangkan kesan besar kepada karier politik mereka. Ini kerana karier politik tidak berasaskan kepada

kemampuan hasil seni, tetapi atas kepercayaan dan keyakinan orang ramai. Sebarang skandal seks akan menjejaskan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap ahli politik yang berkenaan. Maka tidak hairanlah, jika timbul skandal seks, maka ia boleh menjatuhkan karier politik seseorang.

Seks sememangnya merupakan salah satu perkara, kalau tidak pun utama yang menarik perhatian manusia. Ada pihak menyebut, tiga perkara yang mudah menarik perhatian orang ramai. Ia adalah seks, agama dan politik. Oleh kerana seks mempunyai kaitan dengan moral, dan moral pula adalah dalam bidang penguasaan agama, maka skandal seks yang ada kaitan dengan ahli politik adalah dengan mudah menarik perhatian orang ramai.

Jadi skandal seks merupakan alat ampuh bagi menjatuhkan seseorang ahli politik. Kisah-kisah skandal seks boleh disebarkan dengan pelbagai cara, sama ada mulut ke mulut, surat layang atau media massa sendiri. Bagaimanapun kisah mulut ke mulut mungkin tidak mendatangkan kesan kerana cerita mulut tidak boleh disahihkan.

Bagaimanapun, apabila sesuatu kisah itu ditulis, lebih-lebih lagi dicetak, maka kepercayaan orang terhadap sesuatu cerita itu lebih teguh, dan ini pula membawa erti bahawa ia akan lebih berkesan dan dapat digunakan untuk menjatuhkan ahli politik.

Teknologi surat layang juga sudah berkembang pada kecanggihan. Kalau dahulu, orang menyebarkan surat

layang hanya dengan tulis tangan yang disalin dengan banyak. Kemudian apabila ada mesin taip, ia berkembang dengan lebih luas. Penggunaan kertas karbon memperluaskan lagi penyebaran surat layang.

Surat layang boleh diperbanyakkan lagi dengan penggunaan mesin siklostil. Akan tetapi ledakan surat layang berlaku apabila tercipta mesin fotostat. Satu naskah surat layang boleh diedar beribu-ribu helai kepada pembacanya. Kini kecanggihan penyebaran surat layang sudah meningkat dengan adanya mesin faks. Melalui mesin itu, surat itu tidak perlu difotostat dan disebar melalui tangan atau pos. Mesin faks boleh memperbanyak dan memperluaskan penyebarannya.

Bagaimanapun, dengan adanya komputer dan internet, penyebaran surat layang sudah berada di peringkat global. Tidak ada batasan langsung bagi penyebarannya.

Akan tetapi surat layang tetap surat layang. Sama ada melalui tulisan tangan atau internet, surat layang mempunyai kewibawaan sifar. Orang membacanya tetapi orang tidak mempercayainya. Orang mula mempercayainya apabila ia disebut dalam akhbar.

Lebih-lebih lagi dalam negara yang tidak mengamalkan kebebasan akhbar. Sebarang berita atau rencana yang tersiar dalam akhbar yang dikawal oleh pemerintah secara langsung atau tidak langsung akan mempunyai motif di sebaliknya. Penafian pula diragukan, malah dianggap sebagai suatu pengesahan.

Dalam keadaan begini, unsur-unsur skandal seks,

surat layang, media yang dipengaruhi oleh pemerintah adalah resipi suatu mekanisme yang boleh menjatuhkan seseorang pemimpin ini. Mekanisme ini ada di Malaysia. Unsur utamanya adalah media massa yang dipengaruhi oleh pemerintah. Semua berita dan rencana yang keluar mempunyai motif tersendiri dan agenda yang tersembunyi.

Proses klasik ini berlaku pada kejatuhan Rahim Thamby Chik. Walaupun dalam hal ini, unsur surat layang tidak berperanan tetapi skandal seks dan peranan media telah menjatuhkannya. Soal sama ada benar-benar skandal seks itu berlaku atau tidak adalah tidak timbul. Yang timbul adalah mengapa isu ini timbul. Ada pihak yang hendak menjatuhkannya dan ada pihak pula yang hendak mempertahankannya. Melalui skandal seks dan peranan media, Rahim tidak dapat menahan serangan itu, yang akhirnya manjatuhkan karier politiknya.

Begitu juga dengan surat layang mengenai skandal seks Anwar Ibrahim. Sama ada perkara itu benar-benar berlaku atau tidak, isu itu tidak penting. Yang penting mengapa media massa yang dikuasai kerajaan menghebahkannya. Soalan lebih penting lagi, mengapa Mahathir mahu memberi ulasan. Kemudian media pula menyebarkannya. Di samping itu isu-isu lain pula timbul. Soal kejatuhan ringgit, dan akhirnya, malah ditimbulkan khabar angin bahawa Anwar akan meletak jawatan. Suatu contoh klasik proses menjatuhkan pemimpin.

Kalau dilihat pada kejatuhan Rahim Thamby Chik,

proses seumpama itu juga berlaku. Skandal seks yang digemburkan tidak datang bersendirian. Sebaliknya, ia datang dengan tuduhan-tuduhan rasuah. Akhirnya mesyuarat Majlis Tertinggi Umno menghendaki pengundurannya walaupun ia belum dibuktikan bersalah.

Terhadap kes Rahim, Mahathir pernah mengingatkan, ahli-ahli politik hendaklah menjaga akhlaknya. Andai kata akhlak mereka bersih, tidak ada cara untuk pihak lawan menjatuhkannya dengan mempermainkan isu-isu yang berhubung dengan seks.

Bagaimanapun, manusia tetap manusia. Dalam Umno, ramai ahli politik yang mempunyai kehidupan seks yang boleh dijadikan isu. Pemimpin-pemimpin ini hanya menunggu masa bagi skandal seks dijadikan senjata untuk menjatuhkan mereka.

Akan tetapi skandal seks sebagai senjata boleh makan tuan. Rahim dikatakan dijatuhkan oleh pihak yang cenderung pada Anwar. Kini senjata skandal seks sedang memakan tuan. Anwar dihadapi dengan skandal seks. Kalau diperhatikan siapakah yang mahu menjatuhkan Anwar? Dari khabar-khabar angin, dapat disyaki bahawa ia datang daripada pihak yang cenderung pada Mahathir. Akan tetapi perlu diingatkan lagi, skandal seks boleh memakan tuan.

Adakah kemungkinan skandal seks ini digunakan oleh pihak Mahathir (tidak semestinya Dr Mahathir sendiri) untuk menjatuhkan Anwar? Kalau ditanyakan pada Mahathir sendiri, sudah tentu kenyataan yang

dikeluarkan adalah penafian. Akan tetapi hubungan Mahathir-Anwar telah lama tidak tenteram, lebih-lebih lagi sejak kejayaan golongan Anwar menyingkirkan Tun Ghafar Baba daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Ia bertambah meruncing dalam persidangan agung yang lalu di mana tokoh yang dikatakan bersekutu dengan Anwar, Muhyiddin Yassin tersungkur daripada jawatan Naib Presiden.

Penafian demi penafian telah dibuat tentang kerundingan hubungan. Mungkin hubungan Mahathir-Anwar adalah baik. Akan tetapi tanyalah orang-orang Umno di peringkat pertengahan. Mereka akan menceritakan tentang "orang Mahathir" dan "orang Anwar".

Apabila berlaku isu skandal seks dan masalah kejatuhan ringgit, "orang Mahathir" akan menceritakan tentang kelemahan Anwar dan "orang Anwar" akan menceritakan tentang kelemahan Mahathir.

Mungkin apa yang sebenarnya berlaku adalah Mahathir mahu Anwar menggantikannya. Tidak ada tokoh lain yang cukup berwibawa selain daripada Anwar. Bagaimanapun Mahathir mahu memastikan bahawa Anwar tidak akan melawan Mahathir selagi dia masih hidup dan memegang jawatan Perdana Menteri. Bukan itu saja, Mahathir mungkin mahu wawasannya terus hidup setelah ketiadaannya nanti.

Anwar boleh menjadi Perdana Menteri setelah ketiadaan Mahathir. Akan tetapi Anwar mesti meneruskan wawasannya Mahathir. Anwar mesti menjayakan Wawasan 2020, projek Koridor Multimedia, Empangan

Bakun dan sebagainya. Dengan sibuk untuk merealisasikan wawasan Mahathir, Anwar mungkin tidak perlu atau tidak ada masa untuk memperkenalkan wawasannya sendiri.

Jadi mengapakah seolah-olah Mahathir mahu menjatuhkan Anwar? Bukan itu. Mahathir bukan hendak menjatuhkan Anwar. Mahathir hanya mahu menjatuhkan wawasan Anwar. Mahathir mahu Anwar memikul wawasan Mahathir supaya wawasan Mahathir terus hidup. Untuk memastikan keadaan ini berlaku, "orang-orang Mahathir" mesti kekal dalam Team Anwar setelah ketiadaan Mahathir. "Orang-orang Mahathir" ini kelak akan memastikan Anwar terus memikul amanah wawasan Mahathir.

Sehingga ini Mahathir telah memusnahkan wawasan Anwar dengan menghancurkan Team Wawasan Anwar. Team ABIM Anwar juga sudah tersingkir lama. Anwar sendiri telah menerima nilai-nilai Umno, lebih tepat lagi nilai-nilai Mahathir.

Pendek kata, Mahathir mahu Anwar menjadi "Mahathiris" apabila ia menjadi Perdana Menteri kelak. Segala tindakannya dan orang-orangnya terhadap Anwar selama ini berupa peringatan dan pencorakan zaman pasca Mahathir di mana Mahathirisme terus hidup dengan Anwar pelaksananya.

TEORI KONSPIRASI TUDUHAN SKANDAL SEKS



Pada mulanya tidak terlintas langsung di hati saya untuk menulis lagi buku politik yang mengungkit hubungan Mahathir dan timbalannya, Anwar. Lagi pun saya telah menulis tiga buku khusus mengenai topik berkenaan, *Krisis Anwar-Mahathir*, *Buku Bertemu Ruas* dan *Mengapa Perlu Anwar Lawan Mahathir?* Sebelumnya tiga buku juga yang saya tulis, khusus memperkatakan tentang Anwar, iaitu *Anwar Lawan Ghafar?*, *PAS Zaman Anwar: Memo Buat Bakal PM*, *Anwar Salah Pilih Cukuplah*, malah ada berpandangan, itu pun sudah terlebih! Nanti muak pula orang membacanya dan beranggapan, "Lutfi dah kehabisan modal agaknya, lain kerja tak ada, asyik laga-lagakan PM dan Anwar."

Mungkin pada pendapat sesetengah peminat buku politik, tak perlulah lagi digembar-gemburkan masalah antara mereka berdua, bukankah Mahathir sudah mengaku berulang kali, ketika ditanya pemberita dan pengarang akhbar, bahawa Anwar adalah penggantinya. Tetapi kadangkala pengakuan (yang timbul selepas diasak oleh pertanyaan) yang berulang kali itu boleh menimbulkan rasa tidak senang di hati penyokong Anwar, seolah-olah ada "udang di sebalik batu". Bagi pihak yang tertarik dengan teori konspirasi Umno, "Mahathir tidak punya pilihan lain untuk menjawab soalan tentang penggantinya kerana ketika ini Anwar adalah timbalannya." Bagi mereka, soalan yang dikemukakan wakil akhbar itu seperti dirancang bagi melegakan kegelisahan penyokong Anwar tentang nasib masa depan mereka sendiri. Anwar dikatakan masih berkuku dalam organisasi media utama negara ini.

"Inilah masalah yang dihadapi Anwar, dia mungkin boleh bersabar, tetapi desakan pengikutnya, sama ada dalam bidang politik ataupun perniagaan, memeningkannya," kata seorang usahawan muda yang sering bergaul dengan tokoh-tokoh korporat kepercayaan Anwar, yang kebanyakannya rapat dengan Anwar semenjak aktif dalam ABIM lagi.

Mahathir pun sudah lebih 16 tahun menjadi PM, usianya juga lanjut, oleh itu tidak perlulah lagi beliau sengaja mencipta masalah dengan timbalannya dan merosakkan catatan sejarah hidupnya nanti. Cukuplah episod sedih Musa dan Ghafar. Rakyat umumnya tidak mahu lagi melihat pertarungan yang tidak perlu di peringkat atasan kepemimpinan negara kecuali ia

membabitkan soal prinsip dan dasar, atau mungkin cara gaya pentadbiran yang boleh menjerumuskan negara ke kancuh kemusnahan. Perbalahan antara Anwar dan Mahathir hanya akan merugikan negara dan rakyat keseluruhannya. Banyak wang yang akan hangus terbakar. Walaupun politik wang dilarang, namun ia umpama "membasuh muka dengan air liur."

Oleh itu, jika persoalannya hanya berkait perbezaan pendekatan atau *approach*, ketepikan saja. Tidak ada orang yang boleh bersetuju dengan orang lain seratus peratus. Anwar dan Mahathir memang ada bezanya, malah mereka sebenarnya memerlukan perbezaan dan kelainan supaya tidak mudah bertembung. Mahathir harus meraikan perbezaan pendapat atau pendekatan Anwar. Mahathir tidak boleh memaksa, bukan saja Anwar, malah rakyat, menurut apa saja kehendaknya. Anwar hari ini bukan Anwar yang Mahathir temani 15 tahun dulu ketika anak muda itu mengisytiharkan dirinya menyertai Umno dan sekali gus mengecewakan PAS. Anwar harus diberi peluang, seperti Mahathir menggunakan peluang semaksima mungkin selepas menggantikan Tun Hussein.

Dengan itu tidak seharusnya timbul soal Mahathir sedang menyiapkan orang lain, misalnya Najib atau Pak Lah, untuk menumbangkan Anwar. Anwar juga sudah membuktikan keupayaannya memangku jawatan-jawatan Mahathir selama dua bulan. Selain beberapa insiden perang mulut yang berlaku antara menteri dengan menteri, misalnya Lim Kheng Yaik dengan Annuar Musa, Zaleha Ismail dengan Ketua Polis Negara, tidak ada apa-apa cacat-cela yang dila-

kukan Anwar selama Mahathir bercuti panjang di luar negara. Soal kontroversi JAIS tangkap ratu cantik, larangan pihak berkuasa tempatan ke atas konsert KRU dan penurunan nilai ringgit tidak boleh dihubungkan dengan kelemahan Anwar seorang. Justeru itu, saya bersama beberapa orang rakan wartawan sedang merancang untuk menerbitkan buku tentang Anwar secara objektif, iaitu memaparkan seadanya tentang latar belakang Anwar, pahit manis pengalamannya sewaktu mengetuai gerakan pelajar dan pertubuhan Islam, misi dan visinya, terutama jika diizinkan Allah Anwar memegang tampuk pemerintahan. Kata seorang teman, buku itu boleh diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan dipasarkan di peringkat antarabangsa.

Telah tiba masanya saya meninggalkan, mungkin secara beransur-ansur, penulisan politik popular yang hanya memperihalkan politik dalam bertaraf murahan dalam Umno. Sememangnya diakui topik seperti inilah yang diminati pembaca. Mereka suka melihat orang berkelahi dan bergaduh, mereka hanya jadi tukang sorak. Walhal mereka sedang menyorak kebodohan dan kedunguan mereka sendiri. Pergolakan antara tokoh-tokoh Umno tidak akan berakhir, malah mungkin lebih sengit dan mencabar, apatah lagi jika benar Umno semakin mantap dan kian berpengaruh, manakala pembangkang pula kelihatan lesu tidak bermaya. Umno dilihat lubuk emas, semuanya berkejar-kejaran untuk memenuhkan nafsu dan ketamakan diri. Apabila habuannya berkurangan, masing-masing bercakar-cakaran. Tidak pelik, perampok selalunya berbunuh-bunuhan ketika membahagi-bahagikan hasil rompak. Ketamakan tidak ada

penghujungnya kecuali selepas perut bumi menjadi kediaman terakhir.

Pada hemat saya, lebih baik ditonjolkan penulisan tentang degup jantung rakyat, keperitan hidup golongan bawahan, kegawatan mencari jatidiri, polemik ulamak-umarak, pembolotan kekayaan negara, keistimewaan elit yang rapat dengan pemerintah, pembentukan kelas menengah Melayu, kepincangan dan kebejatan akhlak, korupsi dan salahguna kuasa, fenomena keangkuhan mencabar hukum Tuhan, persediaan orang Melayu menghadapi era ledakan maklumat dan alaf baru, dilema pendidikan dualisme yang menjerut ummah, dan tidak efisiennya segala sistem prasarana yang melingkungi kita. Isu-isu yang lebih merakyat sifatnya ini barangkali boleh dimanfaatkan sebagai bahan penulisan yang bermanfaat untuk semua pihak. Namun ia menuntut ketekunan, ketelitian dan kesungguhan yang tiada taranya, serta kebijaksanaan mencari perspektif terbaik dalam penghujahan, di samping mengekalkan gaya penulisan yang tidak membosankan, malah semakin menyegarkan.

Rupanya, dan begitulah yang sering berlaku, perubahan tidak mudah untuk dilaksanakan. Ada-ada saja halangan yang mengganggu. Kalau bukan dari dalam, ianya berpunca dari persekitaran dan lingkungan. Saya terpaksa menunda hasrat itu selepas menonton *Buletin Utama* TV3, Ahad 24 Ogos 1997. Kenyataan Mahathir, selepas melancarkan Perlumbaan Merdeka Proton 300 kilometer di Litar Shah Alam, yang mendedahkan tentang sepucuk surat yang ditujukan kepadanya, yang mendakwa Anwar terbabit dalam skandal seks, cukup

mengejutkan dan begitu memeranjatkan. Meskipun Mahathir menyifatkan kandungan surat itu sebagai fitnah dan bermotif politik untuk mensabotaj dan menjatuhkan imej Anwar sebagai penggantinya, namun ia bukan meredakan lagi keadaan, malah memburukkannya lagi. Sebelum saya mengulas insiden ini, elok juga kita perhatikan kenyataan yang dikeluarkan oleh Mahathir dan hujah membela diri Anwar. Kemudian kita boleh kesan beberapa persoalan yang berbangkit daripadanya.

“Yang nyata,” kata Mahathir, “sebab orang melihat dia akan menggantikan saya, maka ada percubaan dibuat untuk memberi gambaran yang tidak baik mengenai Anwar supaya dia tidak dapat menggantikan saya. Itu saja. Tidak ada kebenaran dalam dakwaan itu yang dibuat oleh orang tertentu melalui sepucuk surat. Tidak terdapat sebarang bukti dan ia adalah fitnah semata-mata. Saya tidak fikir ini akan menjejaskan imej Anwar, melainkan kalau semua orang begitu bodoh untuk mempercayai tuduhan tidak masuk akal itu terhadap Anwar. Seseorang telah mendalangi penulisan surat ini sebab ia ditulis dengan bahasa yang sedikit di luar keupayaan salah seorang penulisnya. Yang ketara, ada pihak tertentu di keliling turut terbabit. Ia soal politik. Ia tidak benar sama sekali,” laporan *Berita Harian*, muka depan, 25 Ogos 1997 dipetik. Laporan ini berjudul *Surat layang mahu jatuhkan Anwar: Mahathir*.

Cuba kita tengok pula, bagaimana laporan *Utusan Malaysia* tentang kenyataan PM yang menyifatkan dakwaan kononnya Anwar terbabit dalam skandal seks sebagai fitnah yang bermotifkan politik. Utusan

memakai tajuk *Fitnah Anwar bermotifkan politik* — PM. Mahathir berkata, surat itu dibuat dengan tujuan menggagalkan Anwar menggantikan beliau kerana **umum berpendapat** bahawa timbalannya itu akan menggantikannya.

“Ia suatu usaha untuk mensabotaj Anwar kerana siasatan mendapati tidak ada bukti terhadap tuduhan itu, malah penulis surat itu sendiri menafikan isi surat kandungannya. ... Orang yang tulis surat itu pun kata tak benar apa yang dia kata dalam surat itu,” kata Mahathir.

Ketika diminta menjelaskan lebih lanjut mengenai surat berkenaan, Perdana Menteri berkata, terdapat tanda-tanda surat berkenaan ditulis oleh lebih daripada seorang. Beliau berkata, ia menunjukkan bahawa orang telah mengimlakkan (menulis semula) surat itu. Ini kerana siasatan mendapati gaya bahasa surat yang telah diimlakkan itu adalah di luar kemampuan orang yang menulis surat itu.

Menurutnya lagi, kandungan surat itu dikaitkan dengan sesuatu peristiwa tetapi ia telah disalahtafsirkan untuk tujuan tertentu. Contohnya, kata beliau: “Kita boleh melihat seseorang berada di sesuatu tempat, kita boleh kata dia hendak membuat sesuatu tetapi sebenarnya kita tidak tahu. Tetapi untuk tujuan politik bagus untuk menggunakan sepenuhnya surat itu. Sebagai contoh, gambar saya diambil dengan beberapa wanita di samping saya, ia tidak bermakna saya mempunyai hubungan dengan mereka ... selalu macam itulah.”

Keesokannya, juga di Shah Alam, selepas melancarkan sambutan Hari Wanita 1997 di Dewan Jubli Perak, Anwar dilaporkan percaya beberapa tokoh bermotifkan politik terbabit dalam merancang dan mendalangi usaha menjatuhkannya melalui pelbagai bentuk fitnah dan surat layang. Menurut TPM, surat layang terbaru yang menuduh kononnya beliau terbabit dalam skandal seks bukan pertama kali dilakukan oleh golongan berkenaan. "Ia bukan sedikit. Ia datang bertalutalu ... tujuh lapan surat membabitkan belasan orang dengan saya."

Menurut Anwar, perbuatan golongan itu sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa dan menjadi begitu ketara setiap kali menjelang pemilihan parti atau pilihan raya umum. "Seperti ditegaskan oleh Perdana Menteri, ini adalah fitnah. Ia bermotif politik. Jadi, nasihat Perdana Menteri ialah dia kata ini tidak ada asas dan tidak mungkin orang menerima tohmahan begitu kerana terlalu banyak. Saya dapati sekarang ada tujuh lapan surat daripada pelbagai kalangan yang bertandatangan dan tidak bertandatangan. Ia isu berat tetapi keluarga saya dapat menerima perkara ini kerana ia bukan pertama kali berlaku," kata Anwar.

Baiklah, itu paparan yang dibuat oleh akhbar, yang semuanya dikuasai Anwar, walaupun perमितnya dipegang oleh Mahathir. Apa pun yang sebenarnya berlaku, Anwar agak beruntung kerana akhbar berpihak kepadanya. Akhbar tidak akan menimbulkan sebarang kekeliruan atau persoalan yang boleh menyukarkan Anwar. Bila Anwar dan Mahathir minta isu ini tidak perlu dipanjangkan, maka akhbar pun patuh. Lagipun

tiada siapa pun yang akan percaya Anwar boleh melakukan kerja terkutuk itu.

“Anwar bernasib baik kerana akhbar berpihak kepadanya,” kata seorang penulis politik, yang menelefon saya daripada Johor, “tidak seperti nasib yang menimpa Rahim Tamby Chik dulu.” Saya akur dengan pendapatnya. Ketika itu gambar Rahim dalam TV3 pun dipilih potret seperti seorang banduan. Rahim diburu akhbar sebagai seorang penjenayah. Begitu juga dengan apa yang berlaku kepada bekas Menteri Besar Selangor, Muhammad Muhd Taib. Jurugambar TV3 bersama wartawannya mencari beliau di mana-mana, di rumah, di pejabat, juga tidak berjumpa, bagai mencari seorang pesalah. Kalau media mengambil sikap konfrontasi dengan Anwar, habis diungkit dan dipersoalkan apa yang terkandung dalam surat misteri itu.

Bukankah selama ini Anwar dikenali sebagai pemimpin yang menitikberatkan soal akhlak, moral dan iltizam dengan perjuangan mewujudkan masyarakat madani, masyarakat penyayang? Hinggakan isu gejala sosial yang heboh diperkatakan melanda anak-anak muda kita satu waktu dulu dilihat, dari perspektif dalam Umno, menguntungkan Anwar. Umum berpendapat selama ini Mahathir mengabaikan masalah akhlak kerana terlalu asyik tertumpu kepada masalah pembangunan dan projek-projek mewah. Mahathir lebih tersilau dengan petunjuk ekonomi daripada melihat masalah moral dan keperibadian generasi muda. Kalaupun bercakap isu pembangunan ekonomi, yang ditekankan Mahathir adalah projek yang menjadi kemegahan negara untuk bertanding nama di peringkat

antarabangsa, bukannya yang menyentuh kepentingan rakyat terbanyak. Cara Mahathir tangani isu gejala sosial sambil lewa sahaja, sebab itu dasar langit terbuka tidak pernah merunsingkan Mahathir. Segala kemungkaran dan kemaksiatan yang terhidang di depan mata, bagi Mahathir, adalah ujian ke atas keimanan seseorang.

“Anwar kadangkala dianggap macam malaikat oleh pengikut-pengikutnya. Mereka cukup fanatik dengannya, mengalahkan taksu bekas ahli-ahli Arqam kepada bekas Syeikhulnya, Ashaari Mohamad. Sebab itu gelaran “Pak Syeikh” dikekalkan kepada Anwar,” komen bekas ahli ABIM yang kini tidak mahu lagi bercakap tentang *perjuangan*. “Anwar pilih Umno bukan kerana Umno menjanjikan kuasa untuk menjalankan Islam, tetapi hanya dengan Umno memungkinkan Anwar menjadi PM.”

Hasilnya, terkial-kial Anwar menekan suara ketika berucap tentang projek rumah kos rendah sedangkan pemaju lebih tertarik mengaut keuntungan mudah hinggakan levi RM100,000 buat pembeli asing pun terpaksa ditarik balik. Meskipun Anwar adalah Menteri Kewangan, namun bayangan Daim Zainuddin yang kini bertindak sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan masih belum dapat dibersihkan. Sewaktu Anwar mahu mengkaji semula pelaksanaan projek-projek mega (baca: projek mewah), Mahathir pula menafikannya kerana, bagi Mahathir, beban mencari punca kewangan bukan ditanggung kerajaan tetapi pihak swasta. (*Newsweek* melaporkan pandangan seorang ahli ekonomi tentang hal ini: “*The PM just wants to push ahead with these projects while he’s still in office. It’s irresponsi-*

ble.”) Keupayaan Anwar menerajui Perbendaharaan kerap dipersoalkan, malah ramai juga yang memperkecilkannya, khususnya apabila negara berhadapan dengan kemelut jatuhnya nilai ringgit dan defisit perdagangan yang tidak berimbang hasil merosotnya jumlah eksport.

“Anwar seperti tak tahu berbuat apa-apa untuk menyelamatkan ringgit dan kasino pasaran saham,” kata seorang pensyarah undang-undang, bekas peguam. “Sebab itu orang timbulkan soal Anwar akan letak jawatan Menteri Kewangan, tanda rasa tanggungjawabnya di atas apa yang berlaku. Dalam ekonomi baik dan makmur, siapa pun boleh dilantik Menteri Kewangan, tapi bila keadaan gelap gelita, orang macam Anwar boleh memudharatkan lagi keadaan. Dari awal saya kata, Anwar lebih sesuai jadi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sama seperti yang disandang Mahathir ketika beliau menjadi TPM dahulu.”

“Sebenarnya,” tambah bekas peguam yang masih menaruh dendam terhadap Mahathir kerana memecat bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas, “Menteri Kewangan kita sekarang adalah Mahathir, dibantu Daim, bukan lagi Anwar. Anwar hanya tunggul mati. Cakapnya tentang ekonomi langsung tidak meyakinkan.” (Bekas peguam itu memberitahu saya, dia berhak dendam dengan Mahathir kerana baginya Mahathir bertanggungjawab melumpuhkan kewibawaan institusi keadilan negara ini).

Tapi kawan saya ini bukannya penyebar khabar angin yang “patut ditembak” seperti kata Mahathir, selepas

merasmikan Perhimpunan Agung ke-44 MCA, 30 Ogos 1997. "Anwar tidak meletakkan jawatan (sebagai Menteri Kewangan) ... Beliau akan tetap berada di situ dan sedang berusaha sedaya upaya mengatasi masalah itu. Saya ingin memberitahu penyebarkan khabar angin ini bahawa saya tidak mengambil alih Kementerian Kewangan sekiranya itu yang mereka inginkan. Kami sedang sama-sama erat berusaha," kata Mahathir. Tambahnya, selaku ketua kerajaan beliau memikul tanggungjawab tersebut dan tidak akan membiarkan sesiapa menjalankan tanggungjawabnya secara sendiri tanpa dibantu oleh beliau sendiri. Apabila ditanyakan khabar angin berkenaan, Anwar berkata: "Saya di sini sebagai Timbalan Perdana Menteri, bukan?" Nota: PM bukan menafikan Anwar letak jawatan sebagai TPM tetapi Menteri Kewangan! Sementara cakap-cakap Anwar akan ditukarkan ke kementerian lain heboh sejak lebih dua tahun lalu, tiba-tiba sekarang pula muncul penafian tentangnya. Mungkin betul kot!

Namun begitu, biarpun Anwar masih dilihat janggal membaca teks ekonomi dalam ucapannya, potensinya untuk menggantikan Mahathir tidak pernah merosot kerana saingan terdekatnya tidak jelas menonjol, iaitu sama ada Pak Lah ataupun Najib. Anwar lebih diharapkan untuk memantapkan nilai-nilai yang tidak bersifat benda semata-mata dalam pemerintahan negara. Cukuplah dengan keghairahan yang melampau-lampau tentang kepesatan ekonomi dan penguasaan kewangan; negara lebih memerlukan pemimpin yang faham tentang keseimbangan yang harmonis antara tuntutan kebendaan dengan keperluan rohani. Negara lebih memerlukan pemimpin berjiwa rakyat,

yang tidak hanya asyik dengan projek-projek mewah bernilai berbilion ringgit dengan melupakan perit getir golongan bawahan mencari rezeki. (*Mahathir seems to launch no project that cannot be measured in billions, and that worries Malaysian economist. If unchecked, economist warn, the heavy spending could kick off a chain reaction of disasters, pressuring the banking system and further jeopardizing the currency*).

Kita juga mahu meletakkan asas dan landasan yang tepat terhadap sistem pendidikan, sistem undang-undang dan juga sistem ekonomi. Untuk apa kita berbangga dengan pencapaian yang dikira mengkagumkan, pertumbuhan ekonomi lapan peratus untuk sembilan tahun berturut-turut misalnya, sedangkan hanya apabila berdepan dengan manusia bernama George Soros, negara terpaksa melutut akibat kehilangan *reserves* yang cukup banyak.

Malu kita membaca kenyataan PM bahawa kerja kita membangunkan ekonomi negara selama lebih 40 tahun dimusnahkan oleh penyangak seperti Soros, hanya dalam masa tidak sampai dua minggu. Dalam perutusan sempena 40 tahun merdeka, Mahathir menekankan: "Apa yang kita usahakan selama 40 tahun boleh dimusnahkan oleh mereka (orang asing) dalam beberapa minggu sahaja. Dunia tanpa sempadan boleh menjadi hutan liar penuh dengan binatang buas yang tidak menghirau undang-undang atau peraturan." Dalam sekelip mata hutang negara meningkat 10 peratus, BSKL rugi RM450 bilion, kekayaan negara turut merosot 10%, manakala pendapatan per kapita negara yang sebelum ini AS\$4,600 telah turun kepada AS\$4,200.

Di mana silapnya? Sistem ekonomi yang kita pilih (soalnya, adakah kita ada pilihan lain), atau arus globalisasi dunia tanpa sempadan, atau pengurusan kewangan negara yang lemah? Inikah kehebatan ekonomi yang kita megah-megahkan sedangkan asasnya begitu mudah untuk dilumpuhkan? Adilkah kita menyalahkan para spekulator asing yang semanganya hanya mahu mengaut keuntungan sebanyak mungkin? Bukankah selama ini pelbagai usaha dibuat untuk membawa spekulator wang ke dalam pasaran kita, yang sudah pastinya akan menjalankan perniagaan dengan spekulasi. Mereka bukan sahaja menyerang Thailand, Filipina dan Malaysia, malah terlebih dahulu menghancurkan sistem kewangan Eropah pada tahun 1992. Soros juga telah menyerang matawang Britain dan Itali sehingga akhirnya terpaksa diturunkan nilainya.

Tidak mustahil kunjungan Sultan Brunei - yang pada hemat saya diberikan sambutan yang cukup hebat (PM sendiri menjemput dan menghantarnya pulang) hingga menimbulkan banyak persoalan tentangnya - bertujuan membantu Malaysia menghadapi kemelut berpanjangan ini. (Sebelum ini dikatakan hubungan Mahathir dengan Sultan Brunei tidak begitu intim; barangkali ada perubahan di pihak Mahathir yang melembutkan hati baginda). Jika Brunei boleh menolong Britain kerana menghadapi masalah yang sama dengan pound sterling, masakan Brunei memejamkan mata melihat kesengsaraan yang dihadapi Malaysia. (Ya, semua orang tahu Sultan Brunei memiliki kekayaan yang tiada taranya, bukan semata-mata dalam bentuk aset tetap yang sukar dicairkan, tetapi berbentuk tunai. Mungkin

ini satu ingatan kepada penyangak Yahudi Soros bahawa di Asia Tenggara ada orang yang boleh menghalang impiannya dari terus merebak).

Wakil *Utusan Malaysia* (31 Ogos 1997) di London memetik akhbar terkemuka Britain, *The Times* dan *The Guardian* yang melaporkan Sultan Brunei telah membeli sejumlah besar ringgit Malaysia dan dolar Singapura dalam pasaran matawang antarabangsa sebagai usaha untuk menghalang krisis kewangan di rantau ASEAN daripada bertambah buruk. *The Guardian* menyiarkan gambar Sultan Brunei dan George Soros bersaiz besar, sebelah-menyebelah di muka depan. Akhbar itu berkata, langkah Sultan Brunei itu akan menjadikannya seteru "pembaham" wang yang ganas, Soros yang masyhur kerana mengeluarkan Britain daripada Mekanisme Pertukaran Mata Wang Eropah dengan tindakannya menjual pound sterling untuk memperolehi keuntungan 1 bilion pound pada 15 September 1992. Sultan Brunei pula dikatakan pernah menyalurkan 5 bilion pound pada 1985 bagi membantu Perdana Menteri Margaret Thatcher menyelesaikan krisis kejatuhan nilai sterling ketika itu.

Ironisnya, petaka yang menimpa Britain itu (1992) juga menyebabkan Bank Negara menghadapi kerugian lebih 10 bilion ringgit kerana turut ghairah menjadi spekulator. Dari satu segi, pada ketika itu, tiada bezanya antara tindakan spekulasi Soros dan Bank Negara. Bezanya Bank Negara rugi, Soros untung hampir RM3 bilion. Pound menjunam pun kita rugi, apatah lagi bila nilai ringgit terus merosot ke paras terendah. Analisis ringkas dalam *Suara PRM*, boleh dijadikan renungan:

“Terdapat satu perbezaan yang penting di antara Soros dengan Bank Negara. Soros mentadbir satu syarikat yang dipanggil Quantum Funds dan wang yang digunakannya untuk spekulasi di pasaran kewangan itu datangnya daripada pemegang saham. Oleh itu beliau bertanggungjawab kepada pemegang sahamnya dan dia terpaksa menjelaskan kepada mereka setiap sen yang dibelanjakannya. Akan tetapi, Bank Negara tidak payah berbuat demikian. Walaupun ia rugi AS\$5.8 bilion, akan tetapi tidak ada siapa yang bertanggungjawab. Setelah beberapa orang meletak jawatan, maka semuanya dianggap selesai.”

Lupakan sekejap masalah penurunan nilai ringgit dan kemungkinan ekonomi negara dijangkiti kemelesetan walaupun diakui ia jauh lebih penting daripada tuduhan skandal seks Anwar. Kita boleh membicarakannya dalam buku khusus. Saya tertarik untuk mengulas isu yang dihalakan kepada Anwar kerana saya yakin banyak iktibar dan manfaat yang boleh dicongkel daripadanya, itu pun berdasarkan dari sudut mana kita melihatnya. Di samping isu seks mudah memancing perhatian umum kerana ia bersifat sensasi, dekat dengan naluri setiap insan, kita juga tidak mahu pemimpin yang mempunyai imej Islam yang tinggi seperti Anwar boleh terperosok dalam kancah fitnah dan tidak berupaya membersihkannya sebersih-bersihnya. **Mendedahkan diri dengan fitnah juga satu kesalahan yang mesti dihindarkan.** Pemimpin Islam tidak wajar mendedahkan dirinya kepada serangan fitnah yang memalukan. Benar seperti kata Mahathir, pemimpin Umno harus bersih dan tampak bersih. Sehingga jika difitnah orang bahawa dia kotor, tiada

siapa pun yang akan percaya dengan dakwaan itu. Malah untuk orang memfitnahnya juga sukar kerana payahnya mencari hujah bagi meyakini publik bahawa seseorang tokoh itu terpalit dengan skandal yang ditohmahkan.

Untuk memulakan bab ini, saya terpaksa berhubung dengan lebih 20 orang kenalan bagi mendapatkan nasihat, apakah perlu saya menulis isu yang begitu sensitif. Saya terpaksa berteleku di depan komputer lebih 10 jam, tanpa mampu berbuat apa-apa sambil fikiran ligat mencari petua, apakah saya akan turut terseret dalam kancah fitnah yang hanya menjanjikan dosa dan kepedihan di hari Akhirat, dan sebelum itu tersiksa di alam kubur. Berita kematian mengejut Lady Diana bersama kekasihnya di Paris juga menyentak nurani; kematian mengintai di mana-mana, oleh itu jangan terburu nafsu dalam apa jua tindakan. Semua amalan akan dihisab, tak ada suatu pun yang bakal terlepas walaupun sebesar zarah. Saya bimbang penulisan tentang sesuatu yang tidak pasti, dengan sebahagian besarnya adalah andaian dan jangkakan logik, membawa padah berpanjangan. Mungkin bagi sesetengah pihak tulisan ini tidak adil buat Anwar sebagai pihak tertuduh, namun jika ia tidak lebih daripada suatu fitnah semata-mata, Anwar akan melonjak naik tanpa sekatan ini. Selalunya, pemimpin yang dapat melepasi cabaran dan gugatan akan lebih menyerlah lagi selepas itu. Tidak terniat di hati saya untuk turut serta dalam konspirasi jahat (sekiranya ada) menjatuhkan Anwar, sebaliknya tulisan ini hanya cuba berusaha menyelongkar pelbagai misteri dan persoalan yang heboh diperkatakan umum, selepas mereka membaca

sendiri surat "berhantu" yang ditujukan kepada PM itu.

Dalam detik-detik seperti ini, saya teringat pesanan cukup bermakna yang disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika saya mewawancarainya selepas pilihan raya umum 1995: "Perkara mungkar yang paling utama adalah masalah seks, masalah jantina. Sejak dari dulu dan Nabi kita pernah menyebut, fitnah dan kerosakan pertama menimpa Bani Israel adalah berpunca daripada hubungan lelaki dan perempuan. Masalah harta benda tidak menjadi punca, tetapi yang menjadi punca utama adalah hubungan antara lelaki dan perempuan. **Harta benda adalah objek beku yang payah merangsang kita. Tetapi lelaki dan perempuan adalah benda hidup.** *Connectionnya* cepat berlaku. Lelaki positif, perempuan negatif, berjumpa dalam satu majlis, tentu berlaku masalah. Oleh itu sejak dari awal lagi Islam menyebut, jangan dekati zina. Bukannya jangan berlaku zina, malah jangan dekati zina."

Selama ini memang Anwar berjaya menonjolkan imej dan citra seorang pemimpin yang boleh diharapkan untuk memerangi kemungkar, kemaksiatan, korupsi dan keruntuhan akhlak. Anwar adalah satu-satunya menteri Umno yang membiasakan diri membaca khutbah, sama ada khutbah Jumaat ataupun khutbah Aidiladha. Tidak pasti pula sama ada Anwar menjadi imam solat berjamaah selepas berkhotbah. Hamid Othman, menteri yang menjaga perkembangan agama pun tidak kelihatan membaca khutbah di Masjid Negara sedangkan pejabatnya hanya di sebelah masjid berkenaan.

(Ingatkah kita bilamana Rahim tersingkir kerana dituduh terbabit dalam skandal seks dengan pelajar sekolah bawah umur, heboh diperkatakan bahawa Umno sedang mengalami era pembersihan, ada pula menyifatkannya sebagai usaha mengABIMkan Umno. Akhbar dan TV3, kiri kanan, depan belakang, hentam Rahim tanpa belas kasihan. Mereka menjadi polis, tukang dakwa dan hakim yang memutuskan hukuman, manakala peguam bela tidak dibenarkan! Anwar di kala itu menjadi wira yang digeruni. Tidak ramai yang percaya bahawa Anwar langsung tidak terbabit dalam usaha penyingkiran itu. Dengan lantang Anwar mengingatkan: "Umno tidak akan melindungi perilaku dan moral rendah, dan sikap kurang sopan yang tidak boleh dipertahankan." Akhbar *Mingguan Wawasan* yang diterbitkan oleh Pemuda Umno Malaysia membuat ramalan, selepas Rahim ditendang, kemungkinan Rafidah, Najib, Muhyiddin dan Muhammad Taib menunggu giliran untuk dibaham. "Masing-masing menunggu giliran menimpa nasib yang sama seperti Tan Sri Rahim," akhbar itu memetik kenyataan sumber. Sila rujuk buku saya, *SIAPA DALANG? Cerita di Sebalik Tabir*.

Tentunya kita masih ingat, apabila Umno menyambut cabaran untuk berdebat dengan PAS mengenai isu kafir mengkafir, Anwar turut dipilih sebagai wakil Umno meskipun ia tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama. Berbekalkan imej silamnya sebagai Presiden ABIM, Anwar masih menjadi harapan ahli-ahli PAS untuk berbuat sesuatu demi kepentingan Islam apabila Anwar menjadi PM nanti. Begitu ramai pencinta dan pendokong kebangkitan Islam yang terus

menaruh harapan buat Anwar dan mereka dapat bersabar menghadapi karenah PM kerana waktu untuk Anwar menerajui kuasa semakin hampir. Tidak sedikit juga anggota dan pemimpin gerakan Islam yang menyertai Umno kerana yakin Umno akan berubah apabila Anwar memimpinnya nanti.

Personaliti Anwar memang diakui menarik perhatian umum. Kepetahannya berpidato, kehebatan perhubungan awamnya, penampilannya sebagai pemimpin karismatik, wajahnya yang jernih dan yang lebih penting imejnya sebagai pemimpin Islam masa depan menyebabkan Umno tidak tersudut dalam era kebangkitan Islam awal 1980-an. Hubungannya dengan pemimpin dan ilmuan gerakan Islam antarabangsa, misalnya Necmettin Erbakan dan Yusof Qardhawi, kadangkalanya menyukarkan PAS. (Ada pemimpin gerakan Islam luar negeri yang mempersoalkan langkah PAS tidak bersama Anwar atau terlalu lantang mengkritiknya). Dipercayai Anwar masih menjalin hubungan peribadi dengan pemimpin tertinggi PAS kerana kebanyakan mereka adalah rakan-rakannya sewaktu bersama ABIM dahulu. Kata sesetengah pihak, jika ditakdirkan Anwar menjadi PM, tidak mustahil PAS menghadapi perpecahan dalaman kerana ada sebilangan pemimpinnya yang mahu pendekatan PAS terhadap Umno dikaji semula, manakala yang lain terus terikat dengan pendekatan sedia ada.

Namun begitu seorang pemimpin Umno dari Kelantan pernah mengecam Anwar secara bersahaja: "Wajah malaikat pada Anwar berjaya menutup tindakan mungkarnya." Ia dilafazkan ketika Anwar menjadi

Menteri Pendidikan. Saya tidak faham apa maksud di sebalik kata-kata itu kerana sememangnya Anwar cukup dicemburui dan ini tentu mengundang musuh yang ramai.

Rekod Anwar semasa menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tentu tidak mudah dilupakan, khususnya apabila dikaitkan dengan penubuhan beberapa institusi Islam, misalnya Bank Islam, Takaful, Universiti Islam. Apabila Anwar dilantik Menteri Pendidikan, meskipun sistem pendidikan negara tidak mengalami perubahan mendadak, tetapi diakui ia semakin dekat dengan tuntutan Islam. (Anwar cuba melakukan reformasi, malangnya tapak dan asas yang Anwar bina tidak diperkukuhkan oleh Menteri Pendidikan selepas itu. Apa lagi dengan Najib, segala-galanya mahu dibetulkan semula. Seolah-olah bagi Najib, pendidikan adalah komoditi yang mahu diperdagangkan).

Begitu juga dengan pengenalan beberapa pakej kewangan Islam apabila Anwar menjadi Menteri Kewangan. Biarpun Anwar sekarang dikatakan berbeza dengan Anwar dahulu (ya, masakan sama semasa Presiden ABIM berbanding Timbalan Perdana Menteri kini), namun komitmennya untuk mengungguli Islam masih diteruskannya. Mungkin darjahnya menurun dan pendekatannya berbeza, tetapi sukar untuk kita menidakkan sama sekali sumbangan Anwar terhadap perkembangan Islam di negara ini. Bahasa Anwar dalam ceramahnya ada kalanya masih seperti bahasa yang digunakan semasa mengetuai gerakan Islam, yang mana kefasihannya menyebut beberapa istilah

asas dalam harakah Islam masih boleh memukau audien.

Saya, secara peribadi, walaupun menjadikan Anwar sebagai sasaran kritikan dalam buku-buku saya, tetap mengharapkan Anwar melakukan perubahan Islamik apabila menjadi PM nanti. Bagi saya, Anwar lebih mampu melaksanakannya hatta jika dibandingkan dengan Hamid Othman, Yusof Noor ataupun Ketua Pembangkang DUN Kelantan, Zainal Abidin Abdul Kadir, yang semuanya mempunyai PhD dalam bidang agama. Sekurang-kurangnya Anwar tidak terlalu biadap apabila memberikan komentar dalam isu-isu agama, berbanding PM. Berhadapan dengan hukum-hakam Islam, meskipun jika ia dikemukakan oleh PAS seperti Kanun Jenayah Syariah II Kelantan yang membawa hukum Hudud, dipercayai Anwar tidak sembrono menolaknya. Juga diharapkan Anwar lebih demokratik, menghapuskan segala peruntukan atau akta yang mengongkong dan menindas, misalnya Akta Keselamatan Dalam Negeri. Anwar yang pernah merengkok selama 22 bulan di Kemunting tentu dapat memahami bagaimana peritnya kehidupan sebagai tahanan tanpa bicara.

Anwar yang menjulang namanya sebagai bekas pemimpin siswa mungkin boleh melonggarkan Akta Universiti yang selama ini berjaya memandulkan aktivisme gerakan pelajar. Berbanding Mahathir, Anwar diharap lebih dekat dan jujur mendampingi rakyat, mengangkat martabat bahasa Melayu, tidak terlalu memanjakan tokoh-tokoh korporat yang asyik mengira laba berbilion ringgit setahun, menghentikan

segala projek mewah yang hanya bertujuan untuk bermegah-megah, bijak mengurus kekayaan hasil mahsul negara, tahu mengukur baju di badan sendiri. Seperti yang ditunjukkan Anwar selama dua bulan memangku jawatan PM, memerangi korupsi akan menjadi agenda utamanya. Sememangnya gejala rasuah wajib dibanteras habis-habisan dan tiada kompromi mengenainya. Tidak timbul lagi soal ikan bilis ataupun jerung, semuanya mesti dikaut habis. Kes rasuah tidak dijadikan bahan ugutan untuk menakutkan seseorang pemimpin, sebaliknya tindakan tegas diambil selepas kewibawaan BPR dan Peguam Negara dipulihkan.

Saya yakin, suara-suara asing dan sumbang terhadap Islam boleh dipadamkan jika Anwar bertegas terhadapnya. Di zaman Mahathir, golongan neo-sekularisme ini kerap muncul mengelirukan ummah kerana mereka yakin Mahathir telah memberi laluan dan teladan. Ulamak tidak lagi terdera perasaan mereka, seperti apa yang mereka rasakan di era Mahathir. Teguran Anwar terhadap ulamak tidak sepedih kecaman Mahathir kepada golongan pewaris para Nabi itu. Diharap Anwar meneruskan tradisi syura dengan mengambil kira semua pandangan dari pelbagai sektor masyarakat, jangan hanya percaya dengan pendapat sendiri dan mereka yang berada di kelilingnya saja, seperti apa yang dilakukan Mahathir selama ini. Tanpa berniat untuk menafikan sama sekali sumbangan Mahathir terhadap pembangunan negara, Anwar dikira boleh memantapkannya lagi di samping memberi pengisian baru kepada kerangka kemajuan.

(Laporan *Newsweek*, 1 September 1997 amat menarik untuk diperhatikan: *The only man in Malaysia with anything near enough power to check Mahathir is Anwar, and he is coming into his own. ... Anwar pushed his own priorities while in the top seat (pemangku Perdana Menteri), including tough new anti-corruption legislation, and tried to set a collegial tone, soliciting others' opinions in cabinet meetings. For his troubles, he was criticized as "soft". After all these years, Malaysians have grown accustomed to Mahathir's aloof, high-handed style. "We've got one leader who never seeks consensus because he thinks he knows everything, and another who constantly seeks consensus for fear that he doesn't understand enough," jokes outspoken academic K. S. Jomo. Anwar is the scholarly type, an author and intellectual who is emerging as a vocal pioneer for the next generations of Asian leaders. "We have to move from the politics of dynamic personality to something that is broader and more accountable," says Malaysian writer Rehman Rashid. "There is no one who can deliver this now but Anwar."*)

Oleh itu apabila saya mendengar kenyataan Mahathir tentang dakwaan fitnah skandal seks Anwar, saya menjadi keliru terhadap pendirian Mahathir dengan bakal penggantinya itu. Apakah Mahathir sudah berubah fikiran mahu mencari regu baru? Inikah petanda kejujuran seorang sahabat menjaga aib sahabatnya? Mengapa harus Mahathir timbulkan hal ini, apa untung dan manfaatnya? Ataupun ia mahu memberi peringatan kepada Anwar, *urusan kita masih belum selesai*. Kalau ia disifatkan tidak lebih daripada isi surat layang, seorang PM tidak wajar memberikan respons. Masakan seorang PM harus melayan surat yang

kandungannya tidak berasas sama sekali, sama seperti responsnya terhadap isu tiga peserta Islam ratu cantik. Rupanya Mahathir hanya tidak bersetuju tindakan JAIS menggaru mereka. Itu saja. Mahathir bukan menentang keseluruhan tindakan penguatkuasa JAS, hanya garu tidak digemarinya. Kalau kerana itu, tidak perlulah bising-bising seluruh dunia, tegurlah secara baik melalui saluran sedia ada. Bukankah awak seorang PM, yang mana pentadbiran jabatan-jabatan agama - walaupun kedudukannya di bawah kerajaan negeri dan sultan tetap mempunyai hubungkait dengan PM. Nasihatlah secara baik, jangan melenting tak tentu pasal dengan muka merah padam.

Saya sendiri tak pernah dengar ada tuduhan skandal seks yang serius kepada Anwar. Saya cuba telefon rakan-rakan yang lain, semuanya tidak tahu menahu kandungan surat itu, termasuk penulis-penulis politik seperti Yahaya Ismail, Sayuti Omar dan Tarmizi Mohd Jam. Saya cuba lagi menghubungi teman-teman yang rapat dengan pemimpin Umno. Mereka juga tak tahu kandungan sebenar surat yang dimaksudkan Mahathir. Jelas sekali, masing-masing ingin tahu. Kalau Mahathir sendiri yang sebut, kata mereka, mesti ada sesuatu yang istimewa dalam surat layang itu. "Ini bukan sebarang surat layang," kata mereka. Jika benar ia fitnah tak berasas, Mahathir tak perlu lagi mengungkitnya, tutup saja kes, anggap tidak ada apa-apa yang berlaku. Bukan tugas seorang PM nak nafikan isi kandungan setiap surat layang yang diterimanya. Memperkatakan, walau dari apa segi pun, tentang surat layang bermakna PM telah mengangkat martabat surat layang itu sebagai bahan penting yang perlu diketahui umum.

Bagi mereka yang mengikuti pergolakan politik Umno dari dekat, kalau nak diambil kira surat layang yang berterbangan, khususnya menjelang pemilihan kepemimpinan Umno, tak cukup buku untuk mencatatkannya. Sanusi pernah mencadangkan agar semua surat-surat layang itu dimuziumkan. Perihal Anwar dituduh mempunyai seorang anak hasil perkahwinan mut'ah dengan gadis Timur Tengah dan kisah beliau terlibat dengan homoseks sudah basi dan ditolak mentah-mentah. Ahli-ahli Umno matang dalam membuat pertimbangan dan tidak pernah terpengaruh dengan fitnah murahan itu. Mungkin sebahagiannya faham, memfitnah orang berzina adalah satu kesalahan hudud yang hampir sama dengan kesalahan berzina itu sendiri. Lagipun, takkanlah Anwar sanggup melakukan kerja terkutuk itu. Maka, fitnah tidak berasas itu hilang begitu sahaja dibawa angin lalu.

Kerjaya politik Anwar terus melompat tinggi, di celah-celah surat layang yang berterbangan itu, seakan-akan tidak boleh disekat lagi. (Sememangnya Anwar tidak pernah menemui kegagalan, setakat ini, satu kelebihan yang mungkin boleh membawa masalah kepadanya nanti. Jika benar Anwar akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan, itu adalah kekalahan awal baginya, bendera putih pertama yang dikibarnya). Katalah apa yang orang nak kata, tulislah apa yang orang nak tulis, PM sedikitpun tidak memberi reaksi. Entah berapa banyak "maklumat" yang PM terima, khususnya tentang bagaimana, kononnya, komplot Anwar mahu menjatuhkannya, termasuk daripada kenalan rapat yang dipercayai PM, namun PM tidak terpengaruh dengan dakyah itu. Atau, mungkin PM

tiada calon pilihan lain untuk menggantikannya. Mahathir sebelum ini tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan untuk membuat penafian terhadap khabar angin yang memburuk-burukkan nama Anwar dalam isu-isu yang agak memalukan untuk disebut di depan publik.

Tup, tup, tidak ada angin, tidak ada ribut, yang ada hanya jerebu, Mahathir seperti melatah, mendedahkan pekung sendiri, sebenarnya pekung sahabat karibnya. Saya yakin, Anwar sendiri terkejut, dan mungkin marah. Anwar tentu faham budaya politik Malaysia apa lagi kenyataan PM, apa yang dinafikan kerap menjadi kenyataan selepas itu. Kes klasik membabitkan krisis PM dengan timbalannya dulu, Musa Hitam. Mereka boleh berpeluk-peluk di depan kamera, sedangkan esoknya Musa letak jawatan. Apabila kemungkinan ada rombakan Kabinet, PM buat tak tahu sekali gus menafikan, tetapi selang beberapa hari ia menjadi kenyataan. Bila ada ura-ura Sanusi dilantik MB Kedah, PM juga nafikan, sedangkan hasilnya semua orang tahu. Maka pada tanggapan umum, penafian PM lebih dilihat bermotif politik dan tidak boleh diterima bulat-bulat. Begitu jugalah dalam kes tuduhan terhadap Anwar; yang penting PM sudah menghebahkan dan memaklulkannya. Walaupun orang ramai tidak tergamak untuk mempercayai Anwar berlaku curang, tetapi mereka menjadi lebih keliru, mengapa hal sekecil itu perlu disebut oleh seorang Perdana Menteri. Bukankah orang Melayu selalu dibiasakan dengan pepatah, "kalau tak ada angin, masakan pohon bergoyang."

Tidak ada seorang pun rakan-rakan saya dalam PAS yang percaya Anwar boleh disabitkan dengan tuduhan seks. Sama sekali dalam pemikiran mereka, tidak timbul bahawa Anwar boleh dikaitkan dengan skandal seks. Walhal mereka adalah anggota parti pembangkang, yang melihat Anwar sebagai tokoh yang mampu menyekat pengaruh PAS secara lebih berkesan berbanding Mahathir. "PAS hadapi zaman kelam bila Anwar naik," dakwa seorang daripadanya. "Kelantan mungkin jatuh ke tangan BN semula," tambahnya. "Tengok apa yang berlaku di Semerak. Kamaruddin Mohd Noor adalah teman akrab Anwar. Tidak mustahil orang seperti Kamaruddin boleh membina imej baru Umno di Kelantan dan akan ditonjolkan sebagai tokoh penting dalam pilihan raya umum akan datang. Lagi pun orang Kelantan tidak menyimpan sebarang dendam dengan Anwar dibanding Mahathir."

Seorang pemimpin muda PAS marah-marah apabila dimaklumkan *tidak mustahil* Anwar boleh berlaku curang. "Memang segala-galanya *tidak mustahil*, apa pun boleh berlaku, tapi jangan mudah menggolongkan seseorang dalam kerja-kerja mungkar kalau tidak ada bukti sah," hujahnya. Katanya lagi, walaupun Anwar adalah seteru politik PAS, pernah mengkhianati gerakan Islam, tetapi janganlah sampai kita termakan fitnah untuk memburuk-burukkan Anwar dalam isu seks. Tambahnya, itu kerja Umno sesama mereka, kita jangan masuk campur. Lawanlah Anwar secara politik juga, bukan dengan fitnah yang keji itu. Mati-matian nampaknya dia mempertahankan Anwar.

"Jika nak diikutkan marah kita dengan Anwar, memang kita mahu Anwar tersungkur. Di tengah

semarak kebangkitan Islam dan sokongan rakyat terhadap apa saja yang berlabelkan Islam, Anwar memilih Umno sebagai jalan pintasnya dan menjadi wira nombor wahid menyerang PAS. Umno tanpa Anwar di kala rakyat mahukan Islam adalah kelebihan besar kepada PAS. Tapi bila Anwar menjadi senjata utama memerangi PAS, ABIM pula bersama Anwar, maka pengaruh PAS tersekat. Orang kata Umno pun mahukan Islam juga dengan adanya tokoh seperti Anwar," ujar seorang aktivis muda PAS yang merasakan Parti Islam itu harus lebih praktikal, melakukan reformasi dalaman, dan bersiap sedia menghadapi Umno era Anwar.

"Kalau tuduh Anwar makan suap, Anwar terima rasuah, agihkan projek kepada adik beradik, atau kata Anwar tak pandai uruskan wang negara, mungkin aku boleh percaya. Tapi kalau fitnah Anwar ada perempuan simpanan, isteri orang pula tu, mati hidup balik aku tak percaya. Carilah tuduhan lain yang lebih logik sikit," kata seorang teman dengan nada kesal bila saya cuba mengusiknya bahawa saya ada menyimpan bahan bukti pertuduhan terhadap Anwar itu.

"Macam manapun," katanya perlahan, "fotokopi surat tu satu untuk aku. Syok juga tengok Umno buat fitnah sesama sendiri."

"Hai, tadi marah, bela sakan Anwar. Sekarang nak turut sebarkan fitnah pula," saya mencuitnya lagi.

"Taklah macam tu, kata hang surat ni lain daripada surat layang yang lain, kalau tidak, takkan PM boleh bocorkan rahsia. Aku lebih berminat nak tengok

sejauhmana sandiwara Mahathir terhadap Anwar," balasnya separuh mendesak untuk melihat surat misteri yang menggemparkan itu.

"Anwar dah bersihkan Umno tokoh-tokoh seperti Rahim Tamby Chik," kata seorang tukang kempen Anwar dalam pemilihan 1993, "jadi, takkan dia pun perangai macam itu juga. Sumpah aku tak percaya!"

"Jangan cepat bersumpah, nanti termakan sumpah," saya mengingatkannya.

"Lutfi, hang kena ingat, Anwar bukan malaikat. Mahathir sendiri pernah berterus terang, Umno bukan parti malaikat," kata seorang teman lama, yang semasa memimpin gerakan pelajar dulu menyokong PAS, kini aktivis Umno bahagian.

Benar, sepintas lalu apabila kita membaca surat misteri itu (ingat, ini bukan surat layang, faham betul-betul) kita akan menganggapnya fitnah semata-mata, Dari segi ini saya boleh bersetuju dengan komentar Nazri Abdullah, Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian. Tapi saya tak pasti apakah surat layang yang dimaksudkan dalam rencananya itu ditujukan kepada surat misteri yang kita bincangkan sekarang. Logiknya, sebagai hulubalang setia Anwar, mungkin Nazri ingin menyinggungnya secara tidak langsung. Kalau nak dibahaskan secara terbuka, takut-takut lagi malu Anwar.

"Manakala mereka yang tidak ada kuasa tetapi bernafsu besar untuk memiliki kuasa, akan menggunakan pelbagai taktik kotor untuk memiliki kuasa. Fitnah dan

surat layang disebar ke sana sini bagi memburuk dan menjatuhkan pemimpin. Surat layang sudah menjadi profesion segelintir kembiri yang kecewa dalam politik atau perniagaan. Ramai dalang yang takut pada bayang-bayang sendiri dan bimbang masa depan mereka, menggunakan surat layang untuk melepaskan dendam dan menyebarkan fitnah. Kerana golongan ini masih dijajah nafsu-nafsi, mereka sanggup melemparkan apa saja fitnah yang tidak masuk akal. Kadang kala timbul tanda tanya apakah penulis surat layang ini siuman fikirannya atau mereka adalah manusia yang sudah runtuh akal budinya kerana tidak ada kepandaian lain, melainkan menulis surat layang," tulisan Nazri, 31 Ogos 1997, dipetik. Tapi, Nazri harus ingat, secara umumnya pembaca lebih tertarik dengan surat layang kerana mereka tahu sebahagian maklumat di dalamnya adalah benar dan ia tidak akan boleh didapati melalui akhbar seperti *Berita Harian*. Oleh sebab itu untuk membaca pergolakan politik tanahair, khususnya tunggang-terbalik dalam Umno, ahli-ahli Umno sendiri mencari majalah antarabangsa, misalnya *Asiaweek* mahupun *Review*.

Pemimpin utama negara sendiri memberi layanan cukup istimewa kepada majalah-majalah ini, berbanding akhbar tempatan. Semenjak Anwar menjadi Menteri Kewangan dan TPM entah berbelas kali beliau memberikan kesempatan buat wartawan *Asiaweek* menemubualnya. Tanyalah pada wartawan tempatan, siapakah yang pernah diberi kesempatan membuat wawancara eksklusif dengan Anwar semenjak Anwar jadi TPM? *Senior Correspondents*, Roger Mitton, jika dilihat pada laporannya, seolah-olah kawan karib

Anwar, sedangkan dialah yang dikatakan melagakan PM dan Anwar satu ketika dulu. Waktu itu heboh di seluruh negara memaki hamun wartawan dan majalah asing kerana didakwa mempunyai agenda buruk mahu memusnahkan kestabilan politik negara. Teringin juga saya bertanyakan Pak Samad Ismail tentang fenomena "talam dua muka" ini.

Lebih menakjubkan ialah laporan enam halaman *cover story Asiaweek*, 1 Ogos 1997, yang mana Roger Mitton dibenarkan membuat liputan sehari suntuk, pada hari terakhirnya sebagai pemangku PM, bermula di dalam rumah Anwar sendiri, jam 7.00 pagi sehingga berakhir jam 11.00 malam, juga di rumah Anwar. Apakah layak seorang pemangku PM memberikan penghormatan terhadap seorang wartawan asing yang selama ini dikatakan ingin melihat negara ini huru-hara dengan melagakan pemimpin utamanya. Lupakah Anwar bahawa apabila diminta komen wartawan tentang laporan *Asiaweek* yang membandingkan latar belakang Zahid Hamidi dan Hishamuddin Tun Hussein - dari segi darah keturunan, isteri dan pendidikan - beliau menyanggah balik, bila pula kita beri kredibiliti pada *Asiaweek* sehingga setiap laporannya mesti diberikan respons. Apa ni bang Anwar?

Kebetulan pula dalam keluaran *Asiaweek* yang sama, 1 Ogos 1997, dalam ruangan *Frontlines*, Sanusi dikritik hebat, dipercayai oleh Roger Mitton juga, tentang pembinaan lapangan terbang antarabangsa kedua di Kedah: *Publicity? Yes. Reality? Not really. The US\$2.3 bilion plan to build an international airport with all the trimmings on US\$11.7 bilion worth of reclaimed seacoast in*

Malaysia's sleepy northwest Kedah state has all the earmarks of a non-starter. ... Government and private-sector insiders say there is no realistic way to finance the project. Why, they ask, should anyone embark on such costly mega-project in a spot that already has good transport facilities nearby? Ditanya pemberita, Sanusi mendakwa Roger Mitton diupah untuk menulis memburuk-burukkannya. Setidak-tidaknya, kata Sanusi, yang mengupahnya adalah *Asiaweek*.

Rasanya aneh juga habit dan kecenderungan majalah antarabangsa ini. Mereka lebih mengkritik dan mengancam Mahathir, sebaliknya memberikan harapan yang tinggi kepada Anwar. Sepatutnya, jika dikaji latarbelakang perjuangan Anwar, ia lebih radikal dan keras terhadap Barat dan konco-konconya. Misalnya dalam terbitan 20 Oktober 1995, dengan tajuk muka depannya yang menimbulkan keributan, **POWER PLAY: When Will Anwar Succeed Mahathir?**, analisis Roger Mitton jelas memihak Anwar. Rujuk buku saya *Mengapa Perlu Anwar Lawan Mahathir* (November 1995), halaman 117 - 143. Rumusan Mitton mengenai prestasi Anwar sewaktu memangku jawatan PM, pada perenggan terakhir tulisannya, dengan mengutip pandangan Nazri Aziz perlu diperhatikan: *"What the PM has done is to tell everybody 'I have confidence in this man, and that there is no problem with the succession.' I think Anwar can walk into his shoes easily."* Manakala bagi Lynette Clemetson, *Newsweek*, selepas menggariskan beberapa perubahan positif dilakukan Anwar dalam masa dua bulan itu - antaranya tindakan anti-korupsi dan mengamalkan kaedah syura - Mahathir pula disifatkan sebagai sering bertindak sendirian dan angkuh.

Baiklah, kita hujahkan dulu kewajaran PM menghebahkan berita ini. Benar, PM hanya menjawab soalan pemberita jika kita teliti laporan akhbar berkenaan. Perhatikan stail berita *Utusan Malaysia*: Perdana Menteri diminta mengulas khabar angin bahawa beliau ada menerima sepucuk surat daripada seorang yang mendakwa terdapat seorang menteri terbabit dalam satu skandal seks. Ketika ditanya adakah orang yang dituduh itu Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Ya. Dakwaan itu terhadap Anwar Ibrahim."

Saya tidak pasti pemberita mana yang berani bertanyakan hal sensitif ini kepada PM. Ini pun hal yang menarik juga. Apakah pemberita berkenaan juga turut "diupah" untuk bertanyakan hal itu? Maaf, bergurau saja. Yang pasti pemberita itu tentunya mendapat gaji daripada syarikatnya, dan persoalan yang dibangkitkannya adalah sebahagian daripada tanggungjawabnya sebagai pemberita. Apakah ketua pengarangnya yang meminta beliau bertanyakan hal itu? Ataupun dia bertanya atas pertimbangannya sendiri selepas membaca surat misteri tersebut dan berasakan ia perlu diketengahkan kerana surat itu bukan surat layang dan mempunyai kekuatan tersendiri. Ada beberapa istilah yang mempunyai makna tersendiri dalam surat itu, antaranya, *panggilan telefon, Trivoli Villa Bangsar, Cafe Guanna, Bangsar Shopping Complex, Daimler, hari Rabu*.

Cuba kita kutip sebahagian transkrip soalan pertama yang ditanya pemberita, yang dipetik *New Straits Times*:

Q: Datuk Seri, the question that we are about to ask you is a very sensitive one. We heard a rumour that

you have received a complaint from someone on a sex scandal involving a senior Minister. Is that true?

Bagi saya, surat itu bukan surat layang kerana ia dihantar khusus kepada PM dan mempunyai nama pengirimnya yang jelas. Ia menggambarkan pengirim surat itu bertanggungjawab di atas tindakannya, bukan seperti surat layang yang biasa, yang tidak mempunyai nama pengirimnya ataupun apa-apa tanda pengenalan diri. Yang lebih menakjubkan, pengirimnya dikenali umum kerana ia dikaitkan dengan orang yang paling rapat dengan Anwar. Jika surat tersebut disebarluaskan kepada umum, majoriti pembaca, paling kurang pada pandangan saya lebih 90 peratus, dapat mengenali abang kepada pengirim surat berkenaan. Ini kerana pengirimnya sendiri memperkenalkan diri sebagai adik perempuan kepada seorang pegawai muda (dan kakak) di JPM yang paling rapat dengan Anwar. ("Kebanyakan pegawai muda yang dipilih Anwar kakak-kakak belaka," seloroh seorang penulis buku politik). Pegawai yang dikatakan paling rapat dengan Anwar itu pula disebut-sebut lebih rapat lagi dengan Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri. Ini sudah perkara serius, tak boleh buat main-main lagi.

Oleh itu tertolak istilah yang dipakai oleh kepala berita *Berita Harian*: **Surat layang mahu jatuhkan Anwar. Mahathir** (25 Ogos 1997) dan **Usah panjangkan isu surat layang** (26 Ogos 1997). Istilah "surat layang" tidak boleh dipakai sama sekali dalam isu ini. Sementara dakwaan Anwar bahawa beliau "menerima tujuh lapan surat membabitkan belasan orang dengan saya" juga tidak relevan untuk dibahaskan. Ini kerana,

PM jelas memfokuskan isu ini terhadap **sepucuk surat** yang diterimanya, (baca sekali lagi: **sepucuk surat**) di mana pengarangnya dikenal pasti. PM tidak memperihalkan atau menghiraukan surat-surat layang yang lain, yang kemungkinan sengaja direka oleh mereka yang bersimpati dengan Anwar, untuk menimbulkan tanggapan bahawa apa saja surat yang mengaitkan Anwar dengan skandal seks adalah palsu dan tidak berasas sama sekali. Surat-surat lain itu PM tidak tertarik langsung. PM hanya mengambil kira yang pengirimnya memperkenalkan diri dan isi kandungannya memerlukan tindakan lanjutan segera.

Bagi saya, PM ataupun Anwar sendiri tidak perlu menafikan tuduhan di dalam surat itu. Orang ramai tidak mudah mempercayai penafian mereka berdua, penafian orang politik yang selalunya dianggap licik, kurang jujur, bermotif politik dan berkepentingan. Yang harus tampil ke muka ialah penulis surat itu sendiri, yang harus mengisytiharkan kepada umum bahawa dia tidak pernah menulis sebarang surat bertajuk "Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri", yang mempunyai 20 halaman, bertarikh 5 Ogos 1997. Ini bermakna ada orang lain yang mempergunakan nama penulis surat tersebut untuk kepentingan peribadinya bagi memburuk-burukkan Anwar. Sayangnya perkara ini tidak berlaku. Mahathir sendiri menjelaskan bahawa penulis berkenaan hanya menafikan kebenaran kandungan surat, tetapi mengakui dia adalah penulisnya. Rujuk transkrip NST:

Q: Did the writer deny writing the letter or deny the contents?

A: The writer denied the contents.

Q: But did this person write the letter?

A: Yes, the person wrote the letter. Somebody dictated the letter.

Seorang penyokong Anwar memberitahu saya, penulis surat itu mengaku depan PM, dia telah diupah oleh seseorang. Khabarnya dalang tersebut rapat dengan Perdana Menteri. Ini lagi mengelirukan. Ia bermakna semua "pemain utama" dalam kontroversi ini berada di serambi pusat kuasa, bukannya orang-orang di pinggiran ataupun pelakon tambahan dalam drama yang mendebarkan ini. Agaknya mereka ini cukup dikenali di Jabatan Perdana Menteri. Siapa yang mengupahnya tidak penting. Orang ramai boleh menuduh si polan atau si polan, menteri ini atau menteri itu, yang selama ini merasakan akan tergugat kedudukan mereka jika ditakdirkan Anwar menjadi PM nanti. PM sendiri menyebut, "ia suatu usaha untuk mensabotaj Anwar," dan bermotif politik. Semua orang tahu siapa musuh-musuh politik Anwar dalam Umno. Jika benar ada dalang di belakang penulis surat, ia hampir pasti berada dalam lingkungan kepimpinan tertinggi Umno dan mungkin turut membabitkan pegawai-pegawai tertentu JPM; pembabitkan pembangkang tidak timbul sama sekali. Buat masa ini Anwar hanya boleh dijatuhkan dari dalam.

Tidak hairan sekiranya seseorang yang memusuhi Anwar akan membayar berapa saja yang diperlukan untuk mendapat maklumat, yang pada pandangannya, maklumat itu boleh menjatuhkan Anwar. Tapi, tentulah

maklumat itu dipastikan benar terlebih dahulu atau sekurang-kurangnya separuh benar, sebelum dia berani mengupahnya. Tidak masuk akal ada orang sanggup membayar dengan harga tinggi tuduhan-tuduhan fitnah yang direka semata-mata. Orang yang didakwa mengupah penulis yang hanya mencipta fitnah seperti sudah bersedia menempuh saat-saat hidup-mati dalam kerjayanya. Jika apa-apa berlaku kepada Mahathir hari ini, tidak ada orang lain kalau bukan Anwar yang menggantikannya.

Sampai lubang cacing beliau akan diburu Anwar. Yang peliknya, bagaimana penulis surat boleh terpengaruh dengan upah tersebut dan bersedia melakukan fitnah yang cukup dahsyat, membabitkan nama baik keluarga dan abang kandungnya sendiri. Abang kandungnya itu bukan sebarang orang, juga berpotensi menjadi pemimpin masa depan. Penulis juga telah menggadai maruah keluarga apabila menuduh kakak iparnya, isteri kepada abang kandung yang menjadi harapan keluarga, sebagai perempuan simpanan TPM. Bagaimanapun penulis surat mengakui bahawa kejadian yang berlaku itu "telah memberikan satu tamparan hebat, yakni penghinaan dan tekanan perasaan dari segi maruah kepada seluruh keluarga." Kata-nya lagi, seluruh ahli keluarganya "mengalami tekanan emosi yang paling kritikan sejak kes ini diketahui."

Juga tidak berbangkit dakwaan bahawa surat itu ditulis semula kerana memang menjadi kebiasaan seseorang yang mahu menulis surat kepada orang yang lebih tinggi pangkatnya, apatah lagi seorang Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri,

mendapatkan bantuan orang yang lebih mampu menulis dengan bahasa dan persembahan yang menarik serta meyakinkan. Boleh jadi penulis yang memperkenalkan dirinya itu hanya membuat draf awal dan menyerahkan kepada seseorang yang lebih pakar untuk menyusunnya dengan lebih kemas lagi. Dikhabarkan penulis terbabit dalam agensi pengiklanan, jadi tentu tidak pelik, misalnya, kalau dia mendapat bantuan penulis kopi. Itu hanya satu kemungkinan.

Penulis surat juga diberitakan rapat dan mempunyai hubungan langsung dengan beberapa orang ternama, kononnya Daim, Najib, Megat Junid dan Nazri Aziz. Jika benar sekalipun, ini tidak bermakna tokoh-tokoh tersebut menjadi dalangnya; ia tidak timbul sama sekali. Mereka rapat mungkin kerana urusan membabitkan perniagaan penulis. Anwar tidak harus berprasangka buruk dengan mereka jika betul maklumat yang saya dapat itu. Ada berita angin mengatakan surat aduan salah laku Anwar itu diserahkan kepada Mahathir melalui Megat Junid dan Daim. Ini juga bukan benda yang pelik. Penyertaan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno juga melalui saluran yang sama. Penyokong Anwar juga menuduh penyebaran surat tersebut didalangi oleh seorang pegawai atasan di JPM, dengan maksud "Anwar boleh dijatuhkan dengan dakwaan skandal seks itu dan Abdullah Badawi boleh memintanya." Tapi ini tidak bermakna Pak Lah pun terheret sama. Mungkin pegawai tersebut rapat dengan Pak Lah dan secara logiknya beliau mungkin mengharap kenalan rapatnya dapat menggantikan Mahathir.

Tidak dipastikan sama ada Sanusi juga turut diheret sama dalam polemik ini. Dari dulu lagi banyak pihak mengaitkan surat-surat layang yang menyerang Anwar dengan Sanusi, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dendam Sanusi kepada Anwar dikatakan tidak pernah padam. "Sanusi sudah cukup sibuk di Kedah," kata seorang penyokongnya, "harapan saya kepada orang yang fanatik dengan Anwar, jangan terus prejudis padanya. Kalau Anwar sememangnya tak berlaku curang dengan bini orang, apa yang dia takut. Bawa saja ke mahkamah. Bersihkan namanya." Perihal hubungan Anwar-Sanusu kembali diungkit oleh majalah *Massa*, 31 Mei 1997. Pengarangnya bertanya Sanusi: "Sebelum ini Datuk pernah dilaporkan berkata Datuk tidak akan memegang jawatan politik walau sehari pun jika Anwar menjadi Perdana Menteri." Jawab Sanusi: "Itu bukan keputusan saya, itu keputusan dia. Bila saya sebut macam tu saya meramalkan keputusan dia, bukan meramalkan keputusan saya."

Soalnya - balik kepada topik asal - apakah faktor utama yang mendorong penulis *surat salahlaku TPM* itu mencipta "fitnah" terhadap tokoh nombor dua paling berkuasa di Malaysia, yang mana ketika kejadian didakwa berlaku (30 Jun 1997), Anwar adalah pemangku PM. Lebih pelik lagi "fitnah" itu dilemparkan dengan menggunakan namanya sendiri tanpa berselindung, sebagai mewakili semua adik beradiknya yang lain (dua lelaki, tiga perempuan). Kes ini amat jarang sekali, malah boleh disifatkan tidak pernah berlaku. Selalunya kalau melemparkan fitnah, ia berlaku ibarat "baling batu sembunyi tangan."

Kalau benar penulis surat mendapat upah, seperti dakwaan penyokong Anwar, saya amat teringin benar nak tahu berapa jumlahnya hingga membuatkan penulis lupa diri, lupa maruah keluarga, dan lupa bahawa tembelangnya akan terbongkar apabila PM menyoal-siasatnya nanti. Hilangkah kegerunannya kepada PM sehingga sanggup mengadu sesuatu yang palsu, tidak masuk akal dan tidak berasas sama sekali, dengan memfitnah tokoh kepercayaan PM yang akan menggantikannya nanti? Apabila saya menelefon seorang kawan yang kini meningkat naik dalam bisnes bertanya hal surat tersebut, katanya: "Naik gila aku dibuatnya. Sampai muntah-muntah aku fikirkan kes Anwar ini. Betul-betul tak logik. Memang, betul-betul tak munasabah." "J, banyak benda yang berlaku dalam dunia ini," kata saya, "pada mulanya kita merasa ia tidak logik boleh berlaku, tapi akhirnya terbukti ia memang benar-benar berlaku."

Bagi pihak yang mengupahnya pula, apakah singkat benar jalan fikirannya kerana lambat-laun PM akan tahu juga siapa dalang di sebalik penulisan surat misteri itu? Kalau upahnya lumayan, tentulah dalang tadi terlalu dungu dan bodoh kerana menghanguskan wangnya bagi kerja sia-sia, tanpa apa-apa manfaat yang diperolehi, sebaliknya mengundang risiko buruk. Lainlah kalau surat yang ditulis tidak mempunyai sebarang tanda pengenalan diri. Kita juga nak tahu bagaimana penulis menghantar surat kepada PM, tentunya laporan sesulit itu tidak akan dihantar melalui pos. Mungkin melalui orang tertentu yang dipercayai PM. Kalau begitu, bagaimana pula ia boleh disebarikan kepada orang ramai? Jika PM sudahpun berjumpa

penulis surat, say a pasti dalang itu mudah dikenal pasti dan wajar dihukum seberat-beratnya jika terbukti isi kandungan surat itu palsu semata-mata, tidak ada sesuatu pun yang benar di dalamnya. Penulis yang kononnya mengaku diupah itu juga wajar dihukum semaksima mungkin. Mereka tidak boleh dilepaskan begitu saja sebagai pengajaran buat orang lain yang pernah terfikir untuk mencari kemewahan segera dengan cara memfitnah pemimpin negara. Kesalahan mereka lebih dahsyat daripada Soros!

Bagaimanapun ... maaf seribu kali maaf, saya agak sukar diyakinkan dengan hujah pembelaan penyokong Anwar itu. Tapi tidak pula saya mensyaki Anwar terbabit dengan tuduhan penulis surat - sekurang-kurangnya buat masa ini - kerana bukti yang dikemukakannya perlu penyiasatan lanjut, cuma saya minta hujah dan alasan lebih munasabah diberikan bagi membuktikan Anwar benar-benar bersih. Rasanya permintaan saya itu tidak keterlaluan. Soalnya, siapakah yang akan menyiasat dan mempunyai keupayaan berbuat demikian? Sedangkan bagi Mahathir, kes ini sudah ditutup kerana beliau berpuas hati dengan laporan polis dan menganggap tiada kebenaran langsung dalam surat itu.

"Kalau adik kandung kepada pegawai muda dan kakak di pejabat Anwar itu sendiri mengaku bahawa memang dia yang mengirim surat misteri kepada PM, bagi aku hanya ada satu jalan untuk menyelamatkan keadaan," kata seorang pemerhati politik amaturnya kepada saya, ketika berjumpanya di Chow Kit.

"Penulis itu gila, tidak waras atau kurang siuman," hujahnya. "Tak guna dia tarik balik suratnya atau menafikan kandungannya. Logik akal tak boleh menerima tindakannya itu. Jadi, jalan mesti dicari, termasuk pujuk ayahnya, kerana kata orang dia belum bersuami, supaya ayahnya mengaku anaknya itu tidak waras. Itu saja jalannya."

"Itu lagi gila," kata saya. "Bukankah PM sendiri dah jumpanya. Takkan PM waktu itu tak tahu dia gila, walaupun benar dia gila."

"Memang dia tak gila," sambutnya pantas, "tapi untuk menyelamatkan maruah keluarga dan masa depan abangnya, dia mesti buat-buat gila. Macam Prebet Adam yang bertindak bagai Ramboo di Chow Kit, sembilan tahun dulu, mengamuk pasal adiknya mati disebabkan pukulan seorang raja. Kalau nak bicarakan Prebet Adam, macam-macam rahsia boleh keluar di mahkamah. Tapi kalau dia gila, senang saja lepas."

"Cerita kau ni betul ke? Sampai babitkan raja pula."

"Macam-macam boleh berlaku Lutfi. Itulah untung-nya jadi orang berkuasa. Kalau kita, rakyat biasa, curi telur ayam pun mungkin masuk penjara."

"Macam menghasut bunyinya, bahaya tu Silap-silap masuk ke dalam sekali lagi." Saya mengingatkannya, beberapa teman di *Harakah* sedang disoal siasat ekoran tersiarnya sebuah rencana yang dikira menghinakan raja dan boleh disabitkan di bawah Akta Hasutan.

“Aku yakin,” kata pemerhati politik yang mula berlagak bagai mata-mata gelap, sambil kembali kepada topik asal, “setiap nama yang terbabit dalam surat itu, terutama penulisnya, pembantu rumah kakak iparnya - yang katanya mula membongkar cerita - dan pemandu abang kandungnya - yang menjadi saksi utama beberapa insiden penting dan mendakwa menjadi mangsa homoseks, adalah sasaran pihak tertentu yang akan merayu, memujuk, mengugut, malah mengancam mereka. Dengar kata, kononnya, kakak ipar penulis surat itu pun tak diketahui ke mana menghilang. Pemandu yang membuat pengakuan bersumpah itu pula kononnya menghadapi krisis rumahtangga yang serius.”

“Maklumat kau macam isi surat layang saja. Banyak *kononnya* sangat,” saya menduganya. “Tak tahu mana hujung pangkalnya. Aku rasa kau perlu siasat lebih lanjut lagi kebenarannya. Jangan bawa fitnah yang bukan-bukan.”

“Kau jangan perlekeh kandungan surat layang. Banyak maklumat sahih di celah-celah pembohongan dan kepalsuan.”

Saya menggelarkan kawan saya ini pemerhati politik kerana minatnya yang cukup mendalam terhadap perkembangan politik tanahair. Kalau cakap dengan dia mesti pasal politik, ada-ada saja teori konspirasi yang dikemukakannya, tapi banyak yang meleset. “Aku bukan nujum pak belalang,” katanya bila saya memperlekehkan ramalannya tentang pertandingan Ketua Pemuda 1996, “kalau salah apa nak buat, mana

kita tahu tentang masa depan. Semuanya dalam pengetahuan Allah.”

HISHAM UJI WIBAWA ZAHID



Setakat mana kebenaran cakap-cakap bahawa Mahathir akan menyerahkan takhta singgahsananya kepada Anwar kembali diperdebatkan umum apabila Mahathir (1) tidak melantik Ketua Pemuda Umno, Ahmad Zahid Hamidi, yang dikatakan regu terbaik Anwar, menjadi anggota Kabinet, mahupun timbalan menteri, apabila berlaku kekosongan, (2) mendedahkan sepucuk surat aduan yang diterimanya mengenai tuduhan salahlaku Anwar terbabit dengan skandal seks.

Kontroversi surat misteri itu juga melambakkan beberapa persoalan berkaitan. PM seolah-olah mengiakan beberapa fakta dalam surat berkenaan, antaranya dakwaan pertemuan sulit Anwar dengan

isteri orang (isteri pegawai kepercayaannya) di sebuah kondominium mewah di Bangsar. Menurut Mahathir, kandungan surat itu dikaitkan dengan sesuatu peristiwa tetapi ia telah disalahtafsirkan untuk tujuan tertentu. Contohnya, kata beliau: "Kita boleh melihat seseorang berada di sesuatu tempat, kita boleh kata dia hendak membuat sesuatu tetapi sebenarnya kita tidak tahu."

Ini memaksa penyokong-penyokong Anwar mencari rasional mengapa Pak Syeikh perlu berjumpa wanita berkenaan di tempat yang boleh mengundang fitnah. Antara alasan, wanita tersebut menghadapi krisis rumah tangga dengan suaminya, iaitu pegawai kepercayaan Anwar sendiri, maka Anwar diminta oleh si suami untuk menyelesaikan masalah mereka berdua. Anwar akur, tetapi masa senggangnya terlalu terhad, yang ada hanya ketika dia bermain tenis. Maknanya, memang benar Anwar berjumpa isteri pegawai kepercayaannya itu, tetapi tujuan perjumpaan itu adalah untuk mendamaikan pasangan terbabit. Dikatakan mereka berselisih faham kerana si suami selalu balik lewat dek bebanan tugas pejabat yang melambak.

Tapi yang musykilnya, ia dikaitkan dengan kesibukan si suami ketika membantu Anwar berkempen menentang Ghafar pada 1993. Demi menjaga kerahsiaan dan strategi kempen, mungkin takut diketahui musuh, si suami tidak boleh memberitahu si isteri di mana dia berada. Bagaimanapun, kata penyokong Anwar, si isteri merasa tidak berpuas hati dengan penjelasan suami. Cara paling baik, biar Anwar saja

yang menerangkan duduk perkara sebenar. Soalnya, itu urusan tahun 1993, walhal yang dibakitkan dalam surat misteri ialah beberapa insiden yang berlaku pada 9 Jun 1997, 19 Jun 1997, 30 Jun 1997, 10 Julai 1997, 13 Julai 1997, 2 Ogos 1997.

Ia tidak terhenti setakat itu saja. Difahamkan ekoran surat misteri itu, terdedah satu lagi rahsia besar, bahawa selama ini sememangnya pergerakan Anwar diintip dan dikesani ke mana saja dia berada, bukan oleh penyebar surat layang dan musuh-musuh politiknya kerana mereka tiada upaya untuk berbuat demikian. Rupanya orang nombor satu negara ini dikatakan menugaskan polis cawangan khas untuk membuat laporan terperinci tentang pergerakan Anwar, termasuk aktiviti peribadinya. "Sampai petak *parking* kereta pun dicatatkannya," dakwa seorang penyokong Anwar. Ia terdedah apabila PM boleh membandingkan pergerakan Anwar yang didakwa oleh penulis surat misteri dengan laporan SB yang diterima Mahathir. Oleh itu Anwar tidak boleh berdialeh lagi.

Kalau tidak masakan PM boleh membuat kenyataan seperti di bawah: *"If you see somebody going somewhere, you can always say that he is going to do certain things. Buat you actually don't know."* Dan apabila ditanya sama ada beliau meminta Anwar menjelaskan tuduhan surat itu, Mahathir berkata: *"Tak payahlah tanya yang itu ... What I do is my business.* Saya tahu secukupnya mengenainya." Penulis surat juga melampirkan butir-butir pemilik kenderaan, yang didakwa membawa isteri pegawai Anwar untuk mengadakan pertemuan sulit dengan Anwar, yang dikeluarkan oleh Jabatan

Pengangkutan Jalan. Khabarnya kereta mewah itu kepunyaan seorang pengarah eksekutif syarikat judi bergelar Dato', yang selalu bermain tenis dengan Anwar.

Soalnya, apakah Mahathir masih mengsyaki Anwar akan menikamnya dari belakang, ataupun Mahathir sedang mempersiapkan tokoh lain untuk menjadi penggantinya? Apakah Mahathir merasakan Anwar tidak layak memimpin negara ini disebabkan kegagalan Anwar mengendalikan masalah kewangan, ataupun Anwar tidak boleh diharapkan dapat menjaga kepentingannya dan keluarganya apabila kuasa disandang Anwar? Tidak mustahil jika Mahathir merasakan adalah lebih baik teraju utama negara berputar di kalangan golongan bangsawan Melayu, yang diketahui dengan jelas bagaimana rentak politik mereka, iaitu Najib Tun Razak, seterusnya Hishamuddin Tun Hussein. Baru-baru ini semasa melancarkan buku bergambar Tun Razak, terbitan Utusan Melayu, Mahathir melahirkan rasa terima kasihnya kepada bekas kedua-dua PM itu kerana tanpa sokongan Tun Razak dan Tun Hussein, Mahathir tidak berada di tempatnya sekarang. Najib dan Hishamuddin hadir di majlis tersebut. Mungkin ini adalah musim untuk masing-masing membalas budi. Sedangkan bercakap masa lampau terutama pada era Tun Razak dan Tun Hussein membuatkan Anwar tidak senang duduk.

Berkenaan dengan perlantikan Naib Ketua Pemuda, Hisham sebagai timbalan menteri, tentunya diakui bahawa ia adalah di bawah kuasa penuh PM untuk melantik sesiapa saja yang disukainya. Bagaimanapun,

menurut penyokong Zahid, PM harus faham sensitiviti Pemuda dan dilema yang dihadapi Zahid. Zahid menang sebagai Ketua Pemuda dengan majoriti yang tidak begitu besar. Undi Pemuda terpecah empat. Beliau mengalahkan, antara lain seorang bertaraf menteri penuh dan seorang menteri besar. PM wajar menghargai pilihan Pemuda, walaupun mungkin Mahathir tersinggung sesuatu dengan Zahid, iaitu melantik ketua pemuda mereka ke jawatan kabinet.

Zahid harus diberi kesempatan menyatukan kembali Pemuda yang berpecah itu. PM boleh membantunya, seperti apa yang Mahathir lakukan untuk membantu Anwar selepas mengalahkan Haji Suhaimi Kamaruddin dengan majoriti 10 undi. (Usaha Zahid melantik anak PM sebagai Penolong Bendahari Pemuda tidak berjaya mengumpukan Mahathir untuk melihat Zahid dari kaca mata yang lebih positif). PM melantik Anwar sebagai timbalan menteri di JPM. PM tentu faham budaya Umno, di mana ada gula di situ semut berkejaran! Hasilnya dalam pemilihan 1984, majoriti kemenangan Anwar jauh lebih besar, dan Suhaimi berundur selepas itu.

Apa yang berlaku sekarang, jelas PM memihak kepada Hisham dan memberi tamparan hebat kepada Zahid. ("Zahid bukan lagi *ditampar* tetapi sudah *diterajang*," kata seorang penyokong Zahid, sambil ketawa. Entah siapa yang diketawakannya, tak tahulah). Putera Tun Hussein itu masih muda belia dan kenaikannya begitu cepat dalam politik, mengulangi nasib Najib. Sewaktu bertanding dulu, Hisham bukanlah regu Zahid, juga tidak mengaitkan dirinya

dengan calon lain, seperti Annuar Musa, Isa Samad mahupun Rahim. Anwar merestui Fatah Iskandar, ketika itu Ketua Pemuda Selangor, sebagai klik Zahid. Ada khabar angin bertiup mengatakan PM minta MB Selangor waktu itu, Muhammad Taib menggunakan pengaruhnya bagi memastikan perwakilan negeri itu mengundi Hisham. Anwar pula secara jelas minta Fatah dipilih.

Justeru itu, logik juga jika Mahathir khabarnya langsung tidak berbincang dengan Anwar sebelum melantik Hisham dan Fauzi Abdul Rahman mengisi dua kekosongan timbalan menteri. Ia mengulangi apa yang berlaku ketika Abu Hassan Omar dilantik MB. Anwar, bunyinya, hanya diarahkan membawa surat menghadap Sultan memaklumkan pengganti Muhammad Taib walhal dia langsung tidak dirundingi PM. (Sehingga kini Anwar masih bersikap dingin dan acuh tak acuh dengan Hisham, malah khabarnya mula mempersiapkan beberapa calon Pemuda untuk menentang Hisham dalam pemilihan akan datang).

“Anwar tak mahu hanya darah bangsawan menjadi pemimpin besar Umno,” kata seorang wartawan sebuah akhbar terkemuka, “biar ahli-ahli biasa parti yang tidak bersandarkan kekayaan, kedudukan dalam kerajaan atau status keluarga yang tinggi juga boleh membuktikan mereka berupaya memimpin.” Difahamkan, Anwar merasa tidak senang dengan Hisham berpunca daripada sikap taikun Cina tertentu yang melobinya secara keterlaluan dengan harapan agar Anwar merestui Hisham sebagai calon Naib Ketua.

"Soalnya, apa salah Hisham pada Anwar, PRnya memikat, pada setiap kali sidang Parlimen *performancenya* baik sekali. Apakah hanya kerana Hisham lebih dikelilingi taukeh-taukeh Cina? Kalau kau jumpa Hisham, Lutfi, kau pun kasihan tengok orang sebaik itu ditolak Anwar," kata seorang aktivis Pemuda. Tapi berbeza pula dengan reaksi rakannya: "Hisham seperti mewarisi perwatakan Musa, suka ketawa. Jarang nampak beliau marah. Orang macam ni bahaya kerana kita tak tahu apa isi hatinya yang sebenar."

Tapi, memang benar, apa perlu PM minta pandangan Anwar sebelum membuat sebarang perlantikan? Itu adalah hak keistimewaannya. Mahathir pernah menjelaskan: "*A Cabinet reshuffle has nothing to do with the Umno elections. I can change the Cabinet. That's the beauty of being Prime Minister. I am not bound by any rules or regulations (to reshuffle the Cabinet). If I feel like changing it, I'll change it.*" Tapi bukankah tradisi syura itu sesuatu yang baik dan wajar dilazimi? Meminta pandangan timbalannya, yang dikira sebagai penggantian tidak akan mengurangkan kehebatan Mahathir.

Kedudukan PM sememangnya makin kukuh. Melantik Fauzi, pada ketika ini, yang bagi saya tidak pernah termimpi untuk menjadi timbalan menteri, akan menjadikan anak Kuantan itu penyokong paling setia Mahathir. Memanggil semula Othman Abdul ke JPM juga dilihat memperkukuhkan kedudukan PM, di samping perlantikan bekas Setiausaha Politik Sabaruddin Chik sebagai setiausaha parlimen akan memantapkannya lagi. Sabaruddin yang kalah dalam

pertandingan MT '96 tetapi dilantik Setiausaha Agung adalah hulubalang baru Mahathir. Manakala kenaikan pangkat orang yang paling dipercayai Mahathir, Megat Junid menggantikan Abu Hasan mengesahkan lagi berita angin bahawa selagi Mahathir bertakhta, penyokong Anwar tidak boleh berasa terlalu yakin.

"Lagak PM seperti menyediakan bala tentera untuk menghadapi satu peperangan besar," kata seorang kolumnis politik. "Sebagai sahabat atau bapa, PM percayakan Anwar. Tetapi sebagai *politician*, PM harus sentiasa bersiap sedia. Rangkaian Anwar dalam parti cukup profesional, kemas dan mudah digerakkan. Tragedi yang menimpa Ghafar buat PM lebih mengenali sepak terang politik Anwar. Anwar tak boleh dibiarkan terlalu kuat. Paling lama Anwar pegang sesuatu jawatan, enam tahun. Ketua Pemuda 1982-87, Naib Presiden 1987-93, dan sekarang Timbalan Presiden, tempohnya akan berakhir 1999. Hampir pasti Anwar giat mempersiapkan diri untuk membuat kejutan pada tahun itu. Buktinya, tahun ini jentera Anwar bergerak senyap di peringkat cawangan, tahun 1998 peringkat bahagian. Soal sama ada Anwar akan cabar Mahathir atau tidak, bukan perhitungan penting. Yang penting Anwar mahu kedudukan dan pengaruhnya semakin mencengkam parti. Itu adalah aset besar buatnya."

Dalam politik macam-macam boleh berlaku. Dulu siapa sangka Datuk Harun Idris boleh kecundang di tengah jalan. **Anwar mungkin tidak dapat ditewaskan dalam pertandingan tetapi boleh jadi tersungkur akibat kelemahan dan kealpaan sendiri.** Imej Pak Lah,

khususnya selepas sidang ASEAN, lebih menyerlah. Ada pihak yang diberitakan kurang senang dengan penonjolan Pak Lah melalui siaran berita TV, yang dikira berlebihan, sedangkan sememangnya Pak Lah kelihatan berjaya menguasai mesyuarat dan memperkenalkan imej Menteri Luar yang senior dan berpengalaman. Manakala Sanusi yang seakan-akan dilupakan selepas kalah pada tahun 1993 mula bertaring semula. Dalam apa jua keadaan, faktor Sanusi dalam menentukan jatuh-bangunnya Anwar tidak boleh diketepikan, apa lagi pada kedudukannya yang boleh dianggap MB Umno yang paling popular.

Kedudukan Ketua Wanita, Siti Zaharah Sulaiman juga menarik. PM seperti tidak mengiktirafnya apabila beliau kekal sebagai timbalan menteri. Bayangkan, dua calon yang kalah, Rafidah Aziz dan Zaleha Ismail dikedudukan sebagai menteri, dengan Rafidah tetap menteri kanan yang dipercayai Mahathir. Sementara permintaan Wanita agar kekosongan Zainab yang dipecat timbalan menteri digantikan juga oleh wakil Wanita ditolak, Mahathir melantik sepupu Ramli Ngah Talib sebagai setiausaha parlimen. Umum mengenali Zaharah sebagai calon yang "dipaksa" Anwar untuk menentang pilihan Mahathir, Rafidah. Sehingga kini, Wanita seperti terumbang-ambing, manakala wibawa Zaharah belum cukup kuat untuk mengemudi pergerakan yang diasak pelbagai masalah itu. Raut wajahnya sendiri membayangkan Zaharah seperti kurang yakin atau merasa terbeban dengan tanggungjawabnya sekarang.

"Ucapan Zaharah tidak selancar Rafidah mahupun Zaleha, bukan kerana beliau tidak hebat berpidato,

tetapi seperti menghadapi tekanan kerja yang tinggi. Berbanding dengan ucapan Rafidah yang begitu meyakinkan, langsung tidak ketara unsur *inferior*," dakwa seorang penganalisis politik tanahair. "Kalau Zaharah kekal dengan imej dan prestasi kini, terlalu sukar buatnya mengekalkan kedudukan."

Berkaitan dengan masalah yang menimpa Zahid, penyokong-penyokongnya masih tetap tidak berpuas hati dengan layanan PM terhadap ketua mereka itu. "Apa salah Zahid? Apakah hanya kerana Zahid terlalu rapat dengan Anwar, yang mana melantik Zahid bererti menajamkan lagi kuku Anwar?" kata mereka. "Ataupun disebabkan kontroversi minta maaf dengan Singapura. Bukankah Zahid sudah menjelaskannya secara panjang lebar, termasuk membawa pita rakaman. Diakui ada beberapa tindakan Zahid yang boleh dianggap pincang, tetapi wajarkah dia didera berterusan."

Rupanya ada khabar angin bertiup kencang, mendakwa Hishamuddin mungkin bermain kayu tiga sehingga menyebabkan Zahid terperangkap ketika mengunjungi Menteri Penerangan, yang juga pimpinan Pemuda PAP, George Yeo. Apa hujah yang menyokong dakwaan itu tidak pula dikemukakan. Cerita-cerita seumpama itu hanya boleh merenggangkan lagi hubungan Zahid-Hisham.

"Anwar sememangnya perlu berhati-hati dengan politik Johor. Geng Musa kembali bertapak," seorang kawan lama membawa cerita baru. Rupanya Musa masih belum *mati*. "Tak mustahil MB Ghani Othman

menjadikan Musa penasihat politik tidak rasmi. Orang harapannya, Muhyiddin, macam kupang tembaga di Johor. Anwar harus beri sedikit tumpuan di Johor."

Apa pun yang dihadapi Zahid, ahli-ahli Umno, termasuk Mahathir, sedang melihat bagaimana beliau menguruskan masalah yang menyimpannya sekarang. Zahid telah menanggapi isu Apcet II, gejala sosial, kriket Israel (?), peruntukan saham khas kepada syarikat Bumiputera, kenyataan bersumpah Lee Kuan Yew, kontroversi minta maaf, pertembungan Mahathir-Mufti, pembatalan konsert KRUmania (?) dan banyak lagi. Beliau tentu berusaha antara memenuhi tuntutan panas Pemuda dan kesederhanaan bertindak kerajaan. Tanpa jawatan Kabinet, Zahid mudah menjadi lantang dan berkemungkinan tersasar. Zahid akan kelihatan terlonjak dan teruji daya kepemimpinannya apabila berjaya melepasi halangan dan ranjau tadi, seperti mana Mahathir membuktikan beliau tidak "mati" apabila disingkir daripada Umno lama dahulu.

Penilaian saya? Prestasi Zahid sederhana. Keperibadiannya diakui baik tetapi kadang-kadang bersikap terlalu jujur juga boleh membawa padah dalam Umno. Ketegasannya belum terserlah. Reaksi awal terhadap sesuatu peristiwa tidak meyakinkan, "asyik nak buat kajian dan penyelidikan saja." Zahid ada kalanya kelihatan seperti cuba membaca rentak PM sebelum membuat sesuatu keputusan, seolah-olah saluran hubungannya dengan Mahathir tersekat. Berbeza dengan Anwar, Najib mahupun Rahim, hubungan mereka dengan PM terus langsung. Mereka mudah memahami apa yang dikehendaki PM. Bagi saya, Zahid

bukan ahli politik yang *licik*. Mungkin ini dianggap satu kelemahan tetapi itulah sebenarnya kekuatan beliau.

Bagaimanapun Pemuda tidak harus berduka lara kerana ketuanya tidak memegang apa-apa jawatan penting dalam kerajaan. Mereka harus bijaksana memainkan peranan sesuai dengan apa saja situasi. Analisis A. Kadir Jasin dua tahun dulu tentang konsep pemisahan kuasa wajar direnungi. Ia cukup relevan sekali dibincangkan dalam "kemelut" Pemuda hari ini. Saya kutip secara bebas artikel tersebut:

"Kekaburan garis pemisah antara apa yang dianggap sebagai suara orang Melayu dengan suara Umno dan suara kerajaan berlaku kerana perubahan besar dalam struktur kuasa politik. Pertama, boleh dikatakan hampir semua yang menganggotai Majlis Tertinggi Umno, sama ada kerana menang dalam pertandingan parti atau dilantik oleh Presiden, diberikan jawatan kerajaan. Ini menjadikan mereka pemimpin Malaysia dan sekali gus menumpulkan kemampuan mereka bercakap khusus untuk orang Melayu.

"Kedua, Pemuda Umno yang dulunya bertindak sebagai kumpulan pendesak dan pemegang amanah isu-isu kemelayuan dan keislaman nampaknya sudah menjadi sebahagian daripada *establishment*. Seperti juga dengan Majlis Tertinggi, sebahagian besar ahli majlis kerja Pemuda memegang jawatan dalam kerajaan. Ketiga, tidak ramai lagi pemimpin muda Umno berasal daripada golongan yang tertindas atau dari latar belakang yang tebal dengan idealisme dan semangat perjuangan seperti yang wujud di kalangan generasi

revolusi kampus. Dan keempat, politik lebih dianggap sebagai kerjaya dan bukan lagi perjuangan atau landasan menabur bakti. Justeru, kejayaannya diukur dari segi pangkat, gaji dan kuasa ekonomi.

“Mungkin elok jika ahli parti memikirkan soal pemisahan antara parti dengan kerajaan kerana dibimbangi jika semua pemimpin parti turut dilantik memegang jawatan dalam kerajaan, sedikit sebanyak ia mungkin akan menumpulkan kemampuan mereka bersuara untuk orang Melayu. Mungkin pemisahan kuasa yang lebih jelas antara Umno dan kerajaan akan membantu proses ini.”

POLITIK WANG DARI PERSPEKTIF ISLAM: SISTEM PERLU BERUBAH SERENTAK

Untuk melihat di manakah kedudukan politik wang dalam keseluruhan sistem politik, maka ada baiknya kita soroti dimensi teoritisnya terlebih dahulu.

Definisi terawal tentang politik, yang paling popular dan paling menepati hakikat politik konvensional ialah definisi yang dikemukakan oleh Harold D. Lasswell. Lasswell mendefinisikan politik sebagai "*who gets what, when and how*". Tersirat dalam definisi ini ialah hakikat, yang juga diterima oleh pandangan umum, bahawa "politik itu kotor". Ia juga nampaknya sejajar dengan falsafah pemikiran orang Melayu melalui peribahasa "membujur lalu melintang patah".

Definisi Lasswell dan peribahasa Melayu memperlihatkan bahawa politik adalah satu bidang pekerjaan yang amat berkait rapat dengan kuasa. Kuasalah yang membolehkan seseorang itu menyuruh orang lain bertindak bagi pihaknya, sungguhpun orang yang disuruh tidak menyukai apa yang dilakukannya. Dalam keadaan di mana kuasa digunakan untuk memaksa orang lain bertindak bagi pihaknya, hakikat kuasa ini dikenali sebagai "kuasa mentah" (*naked power*) dan proses yang berkaitan dengan penggunaan kuasa ini dikenali sebagai "*coercion*" (tekanan).

Umumnya, para ahli sains politik bersetuju bahawa kuasa yang disalurkan melalui tekanan atau paksaan (*coercive power*) dilihat tidak absah. Untuk kuasa memiliki tahap keabsahan yang tinggi, maka dicadangkan bahawa penggunaan kuasa harus melalui proses "*consent*" (persetujuan). Apabila ini berlaku maka kuasa tidak lagi memiliki "kuasa mentah"nya, tetapi telah memiliki atau melibatkan ciri-ciri lain seperti "autoriti" dan "pengaruh". Kuasa yang dicirikan oleh "autoriti" dan "pengaruh" adalah lebih bersifat "*consensual*". Dari satu segi, aspek syura dalam sistem politik Islam adalah juga bersifat "*consensual*".

Berdasarkan huraian di atas mengenai kedudukan kuasa, maka politik wang dapat ditafsirkan sebagai satu usaha, yang tahap keabsahannya diragui, untuk mendapatkan kuasa. Ia lebih selesa digolongkan ke dalam kategori penggunaan kuasa yang bersifat negatif, yang melibatkan aspek-aspek paksaan. Dalam ertikata lain, politik wang akan menyuburkan penggunaan kuasa secara mentah. Dalam hal ini sistem

politik dan para pemimpinnya akan lebih cenderung untuk bersifat zalim, satu sifat yang berlawanan dengan konsep adil.

Di peringkat ini perlu juga disentuh bahawa telah berlaku semacam evolusi dalam definisi politik. Dipengaruhi oleh sekolah pemikiran perlakuan, David Easton mendefinisi politik sebagai "*an authoritative allocation of values*". Dari satu sudut definisi Easton adalah lebih "Islamik" berbanding dengan definisi Lasswell yang kita rujuk sebelum ini. Untuk menjadikan sistem politik lebih Islamik, maka definisi Easton harus diubahsuai sebagai berikut: "*An authoritative allocation of moral values*". Dan perkataan moral di sini harus ditafsirkan sebagai "*Islamic moral values*".

Sistem politik Islam yang menekankan peri penting nilai moral amat bercanggahan dengan politik wang yang biasa dilihat sebagai tidak bermoral, atau dari sudut moralnya ia adalah sesuatu yang buruk. Disebabkan cara untuk mendapatkan kuasa adalah tidak melalui "autoriti" dan "pengaruh" yang mempunyai asas legitimasi yang tersendiri, tetapi melalui wang, maka ia tidak dapat diterima sebagai satu saluran yang sah.

Cara merangkul kuasa melalui unsur wang tidak pernah diiktiraf oleh pengkaji politik sebagai mempunyai asas keabsahannya yang tersendiri. Ahli sosiologi Jerman yang terkenal, Max Weber telah menggariskan beberapa bentuk autoriti. Di antaranya ialah autoriti tradisional, karismatik dan *rational-legal*. Dan bentuk autoriti yang pertama banyak bergantung kepada

kekuatan peribadi seseorang pemimpin. Hubungan pemimpin-pengikut adalah didasarkan kepada perasaan hormat. Bentuk naungan politik yang wujud pada masa ini terlalu dihubungkan dengan habuan material. Politik wang telah meruntuhkan bentuk naungan yang berteraskan perasaan hormat. Habuan material atau kebendaan menjadi tali pengikat di antara pemimpin dan pengikut.

Bentuk autoriti ketiga yang dikemukakan oleh Weber, iaitu *rational-legal* ialah bentuk autoriti moden yang berteraskan nilai birokrasi dan perlembagaan. Di sini pun wang dilihat sebagai komponen penting autoriti. Politik wang telah merosakkan bentuk autoriti yang sedia wujud untuk menjadikannya lebih korup dan nilai politik yang korup lebih mendorong untuknya bersikap "*coercive*" dan *authoritarian* - nilai politik yang bankrap dan tidak demokratik.

Politik wang juga amat berkait rapat dengan sistem ekonomi yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Sistem kapitalisme yang tidak menghadkan tahap pengumpulan kekayaan oleh seseorang individu yang lahir dari konsep kekayaan yang bersifat mutlak. Sistem kapitalisme yang berlandaskan kepentingan diri, yang sistem pengagihannya tidak digerakkan oleh hambatan dan insentif moral, yang akhirnya membantut wujudnya satu sistem pengagihan keadilan. Ia menjadikannya tanah yang amat subur berkembangnya budaya politik wang. Ini diperkukuhkan lagi dengan hakikat bahawa sistem kapitalisme tidak melihat moraliti sebagai satu faktor pengeluaran yang penting. Dalam hal moral, sistem ekonomi kapitalis adalah bersikap berkecuali (*morally neutral*).

Hakikat di atas menunjukkan sistem kapitalisme mendorong wujudnya budaya politik wang. Ia diburukkan lagi dengan wujudnya disiplin ilmu seperti ekonomi, politik yang menggagaskan bahawa hubungan di antara ekonomi dan politik adalah sesuatu yang amat intim, dari sudut teori dan praktik. Dalam hal ini kita dapat menjangkakan wujud hubungan yang selesa di antara golongan peniaga dan ahli politik, masing-masing memerlukan satu sama lain. Golongan peniaga akan membiayai politik dan ahli politik akan menggubal dasar-dasar yang menguntungkan golongan peniaga atau korporat.

Satu andaian asas yang boleh dikemukakan di sini ialah, dalam sistem yang lebih terbuka seperti demokrasi, politik wang mempunyai dwi-fungsi dan menurut Herbert E. Alexander, menerusi bukunya *Money in Politics* (1972), "*a bizarre combination of virtue and vice*". Sungguhpun Alexander merasakan politik wang mempunyai sifat "*virtue*" (kebaikan) dan "*vice*" (kejahatan), tetapi dalam menyimpulkan kajian beliau mengenai peranan wang dalam proses politik di Amerika Syarikat, beliau melihat aspek "*vice*" lebih dominan dari aspek "*virtue*".

Seterusnya beliau menegaskan: "*The major premise is that political financing in the US is potentially undemocratic and corrupting to the extent that parties and politicians depend on large contributions of money by special interests. Fear of this potential has not been enough to initiate reform.*"

Di tempat-tempat yang lain dalam kajiannya, dengan nada yang agak sama ditekankan: "*A wealth of evidence has been gathered to demonstrate that political spending is*

usually extravagant, often corrupting, ordinarily wasteful, and yet, strange as it may seem, frequently insufficient and absolutely necessary."

Sungguhpun Alexander melihat fenomena politik wang sebagai "*absolutely necessary*" tetapi beliau tidak menghurainya secara panjang lebar dalam kajiannya. Dilema yang dihadapinya adalah masyarakat demokrasi yang tidak dapat melarikan diri dari gejala politik wang yang telah menjadi sebahagian dari hidup mereka dan sungguhpun sebahagian besar dari anggota masyarakatnya sebagai "*vice*", mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Dalam hal ini budaya politik wang telah menolak usaha-usaha reformasi.

Sistem politik wang tidak membenarkan percampuran di antara *virtue* dan *vice* atau percampuran di antara haq dan batil. Al-Quran menjelaskan, maksudnya: "Dan janganlah kamu mencampur-adukkan di antara yang haq dan batil, dan janganlah kamu menyembunyikan kebenaran (al-haq), padahal kamu mengetahu." (al-Baqarah: 42) Dengan sentiasa merujuk kepada kebenaran maka masyarakat yang wujud adalah masyarakat yang *virtuos* dan sekali gus dapat menghindar perkara-perkara yang negatif seperti politik wang.

Sistem demokrasi yang bersifat pluratistik telah semacam mengheret individu yang bercita-cita untuk menjawat jawatan politik untuk turut terlibat dengan politik wang. Ini disebabkan jalan yang menuju ke tunggak atau puncak kuasa harus melalui prasarana jaringan yang melibatkan pelbagai agensi dan bidang kepakaran.

Pandangan Herbet E. Alexander dalam hal ini amatlah tepat: *"The contemporary campaigner must find means of financing profesional management, consultants, advertising agency assistance, media specialists, surveys, and polls. A candidate needs expert help to prepare material for the media, negotiate for broadcast time, program strategy by computer, or test public opinion tendencies."*

Dalam petikan di atas jelas menunjukkan bahawa kepelbagaian pendekatan dalam masyarakat atau pluralisme, tidak dapat dijadikan sebab untuk mengabsahkan pendekatan politik wang sebagai sesuatu yang bersifat demokratik. Ini amat berbeza dalam sistem politik Islam di mana kepelbagaian pendekatan yang dirumuskan secara syura telah mengetepikan elemen negatif seperti politik wang.

Sumber alam yang pelbagai telah diciptakan oleh Allah untuk kegunaan manusia bagi pembangunan fizikal dan spritualnya. Dalam hal ini, Allah memberitahu kita, maksudnya: "Dan Dia menundukkan untukmu (wahai manusia) apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi semuanya (sebagai satu rahmat) daripadanya." (45:13)

Pembinaan sepenuhnya syakhsiyyah manusia tidak mungkin berlaku dengan wujudnya fenomena negatif dalam kehidupan manusia seperti politik wang. Kesannya kepada anggota masyarakat, khususnya golongan pemimpin terlalu *far-reaching* dan *taxing*.

"For a candidate, the struggle for election is essebially short-range and manipulative. The emphasis must be on the means, but the candidate needs to conserve his energy and

creativity for raising issues rather than money. Once victorious, he cannot forget his political or lose touch with his constituency, but the need for money is ever-present and the system of fund raising too demanding, and the personal or party pressures too great, to permit him time to develop fully the qualities necessary in political office."

Sesungguhnya keperluan kepada wang adalah sesuatu yang "ever-present" ini tidak seharusnya merujuk kepada satu bentuk *rationalization* untuk mengatakan bahawa dalam kes Amerika Syarikat pembiayaan politik adalah *underfinanced* berbandingkan KDNK dalam ertikata pembiayaan politik adalah menggunakan atau melibatkan peratusan yang kecil daripada keseluruhan KDNK.

Walau apa pun, kos politik wang di negara maju seperti Amerika Syarikat sentiasa meningkat dengan pesatnya. Merujuk secara khusus kepada Nelson Rockefeller sebagai Gabenor New York, ia melibatkan pembiayaan politik seperti berikut: "*It cost Nelson Rockefeller \$1.8 million to be elected government of New York in 1958; \$2.2 million in 1962; \$4.9 million in 1966; and \$6.8 million in 1970. That's a grand total of \$15.7 million for four terms, and he is said to be thinking about a fifth at 1974 prices.*"

Kalau di awal tulisan ini saya ada menyebut bahawa politik sebagaimana yang ditafsirkan oleh Lasswell menjurus kepada penggunaan bentuk kuasa yang "mentah", begitu juga dengan politik wang. Dengan nada yang sama dengan Laswell, Alexander mengemukakan soalan berikut mengenai politik wang: "*Who*

gives how much to whom for what?" Beliau terus menjawabnya, "in many ways, through many means, some good, some bad." Beliau seterusnya mengemukakan soalan dan jawapan berikut: "If the question were: How well does America finance its politics? Then the answer must be: Not very well."

Apa yang menarik mengenai penggunaan politik wang dalam masyarakat Amerika Syarikat, sebagai satu kajian kes, ialah hakikat bahawa tidak semua calon politik yang mempunyai kuasa beli yang tinggi boleh memenangi hasrat politikinya. Sebagai contoh, dalam tahun-tahun 1930-an hingga 1960-an, politik Amerika Syarikat didominasi oleh parti Demokrat sungguhpun Republikan mempunyai dana politik yang lebih banyak. Ini memberi ruang yang sihat kepada faktor-faktor selain wang untuk memainkan peranan yang berkesan. Kita yakin bahawa ruang ini boleh diisi secara berkesan oleh Islam yang menekankan peri pentingnya faktor-faktor ketaqwaan dan ilmu dalam mengangkat martabat kepimpinan. Hubungan yang intim di antara faktor ketaqwaan dan ilmu dalam membina kepimpinan yang berkesan tidak mungkin wujud dalam sistem politik selain dari sistem politik Islam.

Sekiranya masyarakat demokrasi Barat menjadi ikutan atau model, maka gejala wang tidak akan terpisah dari sistem politik. Ia semacam diinstitusikan dalam masyarakat secara sistematis. Dalam kes Amerika Syarikat, politik wang telah meninggalkan kesan beban cukai yang relatifnya tinggi kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berakhir dengan keyakinan masyarakat awam terhadap sistem politik

menurun. Berdasarkan kepada satu kajian di Amerika Syarikat masyarakat awam lebih yakin kepada pekerja pemungut sampah berbandingkan pegawai-pegawai di Rumah Putih. Kajian yang dilakukan pada tahun 1973 ini menunjukkan keyakinan masyarakat awam terhadap pekerja pemungut sampah adalah 53 peratus berbandingkan pegawai Rumah Putih yang hanya mencapai 18 peratus. (Rujuk buku *Corruption in the American Political System*, tulisan Larry L. Berg, 1976).

Penurunan keyakinan masyarakat awam terhadap sistem politik tidak menghalang ahli-ahli politik (melalui penggunaan politik wang) untuk kepentingan peribadi. Kewujudan golongan mewah yang melanggar perintah Allah s.w.t. adalah salah satu sebab kenapa Allah s.w.t. menghancurkan sesebuah negara.

Maksud firman Allah: "Dan bila Kami memutuskan untuk membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah s.w.t.) tetapi mereka melakukan kederhakaan dalam negeri itu, maka kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancurnya." (17:16)

Hukuman Allah s.w.t. di atas akan berlaku sekiranya penyelewengan (termasuk politik wang) yang menjadi barah masyarakat telah sebati dengan kehidupan masyarakat. Allah s.w.t. tidak akan membinasakan sesebuah masyarakat sekiranya dosa yang dilakukan oleh anggota masyarakat adalah pada peringkat yang minima. Maksud firman Allah: "Dan Tuhanmu sekali-

kali tidak akan membinasakan negeri-negeri kerana satu perbuatan kezaliman (sahaja), kalau penduduknya ialah orang-orang yang melakukan kebaikan." (11:117)

Partisipasi massa dalam sistem demokrasi tidak semestinya mengarah kepada kebaikan. Kumpulan berkepentingan akan melobi secara aktif dalam proses pembiayaan politik agar kepentingan mereka tidak terabai dengan kelangsungan atau perubahan politik. Pada tahun 1974 kumpulan berkepentingan telah mengumpulkan wang sejumlah \$17.4 juta untuk tujuan pilihan raya kongress. Lebih memburukkan keadaan apabila sektor korporat menguasai arus politik. Di Amerika Syarikat, syarikat gergasi telah melabur dalam kedua-dua parti politik yang dominan. Strategi ini membolehkan syarikat gergasi mempengaruhi mana-mana parti yang menang. Salah satu keistimewaan yang mereka perolehi ialah pelepasan cukai. Sebagai contoh, lima syarikat gergasi minyak yang terdiri daripada, antara lain, syarikat seperti Gulf dan Mobil pernah hanya membayar cukai sebanyak \$1 bilion atau 4.9 peratus daripada keseluruhan keuntungan yang mereka perolehi.

Kuasa korporat yang wujud telah memperkukuhkan kuasa monopoli dalam masyarakat dan menggugat nilai kolektif masyarakat demokrasi Barat. Dan salah satu cara untuk memastikan kuasa monopoli ini berkekalan adalah dengan menggunakan pendekatan politik wang. Sistem politik Islam tidak akan membenarkan kuasa monopoli wujud dalam masyarakat yang boleh menghakis kesejahteraan awam. Kekecohan

politik wang yang berlaku di Malaysia akhir-akhir ini amat berkait rapat dengan hakikat ini, iaitu meningkatnya kuasa korporat dalam masyarakat.

Kuasa atau sistem politik wang yang terjebak dalam amalan negatif seperti politik wang melalui peningkatan budaya korporat yang monopolistik boleh juga tersepit dengan kuasa politik unjurannya sendiri: **politik naungan**. Politik naungan akan melahirkan politik pilih-kasih yang juga mengambil kira aspek pertalian kekeluargaan, di mana habuan ekonomi diagihkan bukan atas perkiraan kelayakan.

Sejarah hidup Rasulullah s.a.w. amatlah penting disentuh di peringkat ini. Hubungan kekeluargaan yang rapat di antara Baginda dan Saidina Abu Bakar serta Ali r.a. secara khusus tidak melahirkan kesan yang negatif. **Sungguhpun Abu Bakar adalah bapa mertua Nabi dan Ali adalah menantu Baginda, kedua-duanya telah membuktikan bahawa mereka adalah pemimpin terunggul di zamannya dengan mempamerkan tahap ketaqwaan dan kepimpinan yang amat mengkagumkan.** Mungkin inilah episod terpenting dalam sejarah Islam yang harus dipelajari oleh mereka yang bercadang untuk melakukan jenayah politik wang.

Politik wang pada hakikatnya adalah cerminan tahap akhlak individu yang dipengaruhi secara langsung oleh *sistem* yang menggerakkan masyarakatnya. Ini bererti bagi melahirkan keberkesanan, individu dan masyarakat perlu diubah secara *serentak* dengan menerima model Islam secara syumul. Dalam mengimbuai realiti

semasa Malaysia, pengenalan pengamalan sistem ekonomi Islam secara *total* akan mewujudkan pengagihan keadilan dalam masyarakat dan ini dapat menghalang kuasa korporat untuk bersifat monopolistik dan sekali gus menghapuskan amalan politik wang.

Rencana ini ditulis oleh Dr Wan Abdul Rahman Abdul Latif (UKM)

ANTARA PENDEKATAN DAKWAH DAN MENYATAKAN HUKUM: ANWAR KELIRU

Untuk mencari fokus utama dan gambar kulit majalah *Tamadun*, keluaran Ogos 1997, saya tidak menghadapi kesukaran langsung. Pertama, isu sudah dipilih, iaitu kontroversi penangkapan ratu cantik. Kedua, tokoh yang dipilih sudahpun ditentukan sebulan sebelum itu lagi. Ini kerana saya telah menugaskan penolong saya, Suria Janib mewawancara Ustaz Ismail Kamus, seorang pendakwah bebas yang paling popular. Kalau diukur *ratingnya* saya kira lima bintang! Sepatutnya wawancara itu disiarkan dalam majalah keluaran Julai 1997. Bagaimanapun saya memberitahu Suria, buat satu lagi wawancara dengan Ustaz Ismail, dengan memfokuskan kepada isu terkini, berkaitan sikap Perdana Menteri dan Anwar terhadap polemik ratu

cantik, satu isu yang sepatutnya tidak diangkat martabatnya kepada perdebatan nasional yang cukup serius.

Seperti selalu, Suria jarang menghampakan harapan saya, meskipun penat dengan pelbagai tugas lain. Ustaz Ismail yang sememangnya sukar untuk "ditangkap", berjaya juga diwawancara buat kali kedua, walaupun pernah satu ketika saya lihat Suria seakan-akan sudah berputus asa untuk mendapatkan tarikh dan masa yang sesuai untuk pertemuan itu. Hasilnya, cukup mengagumkan, *Tamadun sold-out* hanya selepas beberapa hari berada di pasaran. Seorang penjual akhbar dan majalah, memberitahu saya, dia menjual lebih 100 naskah *Tamadun* dalam masa dua hari. Seorang petugas di pejabat Ustaz Ismail Kamus menelefon saya - sebenarnya mencari Suria - bertanya, apakah kami masih mempunyai simpanan *Tamadun* kerana majalah yang kami kirim belum sampai ke tangan Ustaz Ismail, dan apabila dicarinya di kawasan berdekatan, *Tamadun* dah habis!

Rupanya ada cerita di sebalik kisah. Pertama, Anwar sendiri mungkin tidak senang dengan hasil wawancara itu. Seorang pegawai KDN khabarnya menelefon Ustaz Ismail bertanya lebih lanjut tentangnya. Mungkin mereka tertarik dengan tajuk wawancara berkenaan, **ANWAR IBRAHIM SILAP?**; tajuk kecilnya berbunyi, "Antara Pendekatan Dakwah dan Menyatakan Hukum". Manakala kenyataan Ustaz Ismail yang terus langsung dengan Anwar ialah: "Biarlah Anwar dengar sikit apa yang saya cakap ini! Mesti dia telefon saya nanti." Kata Ustaz Ismail, Anwar kawan lamanya,

takkan seorang kawan tak boleh tegur kalau dilihat kawannya membuat kesilapan.

Kisah kedua, lain pula halnya. *Tamadun* yang tajuk kulit depannya, **ANWAR MAHATHIR KELIRU?** rupanya lebih menarik minat pegawai-pegawai tertentu di Kementerian Dalam Negeri. Sewaktu sedang sibuk menyiapkan *lay-out* buku terbaru, **MUFTI LAWAN MAHATHIR?** - kebetulan saya sedang bercuti sebulan - seorang petugas *Tamadun* menelefon saya di rumah, memaklumkan "orang KDN nak jumpa Pengarang *Tamadun* di bangunan Arab Malaysian Bank, jam 10.00 pagi esok." Apa sebabnya? Tak tahu.

"Apa hal pula ni, bang. Takkan nak tangkap sekali lagi," rungut isteri saya. Sewaktu saya ditahan tanpa bicara buat pertama kali dulu, saya masih bujang, tak ada orang yang nak risau sangat, kecuali keluarga di kampung. "Ini mesti pasal kes Mahathir dan ulamak, itulah berhati-hati sikit bila menulis, Mahathir tu dah tua, cepat pula sensitif, mudah tersinggung," tambahnya.

Kalau ikut hati saya memang malas nak berjumpa, buang masa saja. Pegawai-pegawai KDN bukannya mahu berbincang atau bersedia mendengar pandangan kita. Mereka hanya mahu berleter, berkhotbah, cuba tunjuk pandai, mengulangi teori-teori "kesederhanaan Islam", mencemuh pemimpin-pemimpin PAS, dan akhirnya memberi ancaman dan ugutan untuk menarik balik permit penerbitan. Tetapi apabila menyedari bahawa *Tamadun* bukan milik peribadi saya, maknanya yang akan menerima natijah baik buruknya adalah

orang lain, maka dengan berat hati saya terpaksa juga berdepan dengan pegawai-pegawai KDN. Saya faham, mereka hanya pegawai kerajaan dan terpaksa akur dengan kehendak orang atasan.

Yang agak mengejutkan saya apabila pegawai berkenaan cuba memancing saya. Beliau seperti turut tidak senang dengan pemikiran Islam Mahathir. Kata-nya, Mahathir seorang sosialis dan tidak begitu berminat dengan Islam. "Keadaan berubah apabila Anwar naik, sabarlah. Tapi bila-bila masa saja, jika keadaan berubah, Najib boleh memintas Anwar," tambahnya lagi. Beliau menunjukkan beberapa contoh artikel *Tamadun*, selain wawancara dengan Ustaz Ismail Kamus, yang dianggapnya boleh mewujudkan suasana tidak tenteram dalam negara. Antaranya, rencana bertajuk "Kriket Israel: Alasan PM Dangkal", "Tumbang Kerajaan Atau Tukar Sistem", wawancara dengan bekas Timbalan Presiden S46, Dr Rais Yatim berjudul "ROMBAK SISTEM KUASA!" dan interviu dengan Mufti Perak, Dato' Haji Harussani, "Kontroversi KRU - P. Ramlee: KABINET HINA MAJLIS FATWA". Melihat contoh-contoh yang dibawakannya itu, saya langsung tidak berminat untuk berbalas hujah dengannya: Apakah Malaysia tidak ada kebebasan untuk memberikan pendapat lagi? Bukankah sistem pilihan raya yang kita amalkan bermakna dibenarkan untuk rakyat menumbangkan kerajaan yang ada dengan memilih kerajaan alternatif?

Akhirnya, pegawai berkenaan mengingatkan kami (saya bersama Suria dan pemilik majalah, Muttaqin Amaluddin), "Kalau ikut pandangan KSU, dia minta

haramkan saya majalah ini, tapi kami minta tangguh dulu, tengok perkembangan sebulan dua ini. Jika ada artikel untuk keluaran September yang menyentuh hal-hal yang saya katakan tadi, khususnya mengenai kontroversi Mahathir dan ulamak, buang dan gantikan dengan rencana lain. Kalau majalah berkenaan dah beredar di pasaran, tarik balik! Nasib baik timbalan menteri yang baru, Tajol Rosli, kalau dengan Megat, dah tentu kena tutup.”

Untuk anda yang tidak sempat menatap wawancara yang dianggap boleh menimbulkan ketegangan itu, saya salin semula bahagian kedua pandangan Ustaz Ismail terhadap isu berkaitan. Sebelum itu, maafkan saya kerana memberi publisiti percuma kepada *Tamadun*, ini bukan kes masuk bakul angkat sendiri, tapi mungkin kes masuk lif tekan sendiri.

Semenjak ketiadaan dua tiga orang penceramah yang popular, akibat digam, dalam Forum Perdana Hal Ehwal Islam, di TV1, rancangan itu seperti kehilangan minat penonton. Apakah kerana topik yang dibincangkan tidak menarik atau ada sebab-sebab lain?

Sebenarnya penonton mahu mendengar dari mulut ulamak yang menyebut secara jelas, yang mana satu haram dan halal, dan menjelaskan yang mana benar dan salah. Jika benar, benarlah, kalau salah tetap salah. Masalahnya sekarang kita takut melahirkan sesuatu kebenaran. Jadi orang pun malas hendak mendengar atau menontonnya kerana mereka tahu ulamak seperti itu adalah ulamak yang berpura-pura.

Ulamak yang sebenar adalah menjadi penasihat kepada pemimpin. Pemimpin perlu mendengar kata-kata ulamak dan melantik ulamak untuk duduk semeja di dalam Dewan Undangan Negara atau Parlimen. Bicara ulamak di Parlimen perlu didengar oleh mereka.

Masalahnya Ustaz, sekiranya ada ulamak yang menawarkan diri kepada rakyat, bersediakah rakyat untuk menyokongnya dengan cara membuang undi?

Umumnya rakyat mahukan ulamak, yang tidak mahukan ulamak cuma kerajaan sahaja. Sungguhpun ada segelintir rakyat biasa yang tidak menghormati ulamak tetapi pada umumnya masih ramai yang menyanjung ulamak. Masalahnya penonjolan ulamak oleh kerajaan itu tidak ada. Pihak-pihak atasan hanya menonjolkan artis-artis pujaan. Lihatlah surat khabar di muka surat belakang, ada gambar ulamakkah? Tidak ada satu laporan pun tentang jadual ulamak sekian-sekian memberi ceramah di tempat tertentu. Umumnya pada tiap-tiap hari di muka belakang surat khabar hanya menyiarkan berita artis sahaja.

Sekiranya kata-kata ulamak ditolak tepi dalam pentadbiran negara, maksiat akan bermaharajalela. Maksiat akan dilakukan oleh orang dengan sewenang-wenangnya tanpa segan silu. Akibatnya negara akan ditimpa bala. Bala itu bukan semestinya gempa bumi. Yang berlaku sekarang ini balalah seperti gejala sosial, kemarau, angin puting beliung, banjir, kesesakan lalu lintas, wabak penyakit, anak melawan ibu bapa,

penagih dadah, dan saham turun! Semuanya itu bala tanpa kita sedari; fenomena isteri melawan suami, suami meninggalkan isteri juga bala. Inilah balasan orang yang menyingkirkan ulamak.

Bukankah ulamak itu pewaris Nabi? Kalau menolak ulamak bermakna menolak nabi! Bukankah mesej Nabi itu dibawa oleh ulamak? Kita hendak mengikut siapa kalau tidak ulamak? Kita hendak mengikut Nabi? Nabi 'kan, sudah wafat. Jadi, ikutlah pewarisnya. Ulamak pula janganlah menjadikan dakwah sebagai sumber mencari duit. Tugas ulamak ialah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan memberi pengajaran Islam yang sebenar. Amar makruf nahi mungkar perlu diteruskan tanpa rasa jemu.

Bolehkah Ustaz jelaskan maksud di sebalik kata-kata Ustaz tadi, "Hanya rakyat yang mahukan ulamak tetapi kerajaan tidak!" Bukankah kerajaan selama ini sedang dan telah melaksanakan dasar-dasar yang bersangkutan paut dengan Islam seperti perbankan Islam, insuran Islam, penerapan nilai-nilai Islam dan pembangunan negara bercorak Islam?

Maksudnya begini, memanglah sekarang kita nampak Bank Islam, Insuran Islam, Maktab Perguruan Islam dan macam-macam lagi "Islam" tetapi kita tidak mahu Islam itu ada pemecahan. Maknanya, perundangan Islam itu perlu dilaksanakan dan yang tidak menuju ke arah Islam sepatutnya tidak usah dijalankan. Mengapa dalam bab konsert muzik kita sokong?

Konsert Michael Jackson kita sokong, malahan Kabinet juga menyokongnya! Masalah pub dan kelab malam semakin hari semakin tidak berkurangan. Begitu juga lesen arak dan lesen judi tidak dikurangkan. Maknanya, kerajaan sukakan Islam dan juga sukakan yang lain! Dalam masa yang sama, apabila Kerajaan Selangor hendak menangkap ratu cantik, pihak menteri tidak berapa hendak kata "bagus!" Apa yang dikata ialah kerajaan itu harus berhati-hati, biarlah bersederhana dan jangan terlalu ekstrim. Mereka tidak prihatin bahawa penangkapan itu sebenarnya cukup "bagus" dan sepatutnya kerajaan patut laksanakan.

Kita tidak memandang sesuatu dengan sebelah mata. Maknanya kita tidak mahu kerajaan mengabui mata rakyat dengan mengadakan Universiti Islam dan Bank Islam sahaja. Kita sebenarnya menyokong usaha kerajaan itu tetapi janganlah memandang sebelah sahaja.

Kita tidak menafikan usaha kerajaan mengislamisasikan beberapa perkara, tetapi malangnya apabila ulamak berkata "yang haram itu haram", kerajaan akan *mark* dia (ulamak) dan kerajaan akan mencari jalan untuk menekannya. Sedangkan dalam masa yang sama, kerajaan sebenarnya bukan menekan ulamak tetapi menekan hukum Allah Taala. Kerajaan hendak menyelaraskan hukum Islam di seluruh Malaysia, soalnya bagaimana? Di sinilah kata-kata ulamak perlu didengar. Ulamak bercakap berdasarkan pada kenyataan dan hujah. Kalau ulamak kata judi itu haram, haramlah. Kalau muzik itu tidak boleh, tidak bolehlah. Mengapa hendak pusing ke sana, pusing ke sini? Siapa

hendak buat, buatlah, tetapi hukum Islam jangan ditukar!

Kita sebagai ulamak, kalau bercakap bukan untuk mengambil untung. Tiada untungnya, malah lagi menyusahkan! Pada saya, kalau bercakap soal haram halal ini tiada untungnya. Hanya di hadapan Allah Taala kita akan mendapat keuntungannya, insya-Allah. Di sini (dunia) kita lagi rugi — pangkat tak naik, projek tak dapat! Apa asasnya jika mereka kata ulamak mengambil kesempatan? Kita tidak pernah bermaksud untuk mengambil keuntungan dalam memberikan penjelasan hukum kepada masyarakat.

Ulamak pula ada dua kategori, ada ulamak makan gaji, dan ulamak "makan ampu" (pengampu) dan ulamak yang suka menentang. Tapi kita hanya menentang perkara yang bercanggah dengan Islam. Kita bercakap kepada rakyat untuk menunjukkan bahawa ulamak tidak bersetuju atas sesuatu perkara. Kalau kita mendiamkan diri bermakna kita redha. Mudah-mudahan apa yang kita cakapkan itu akan sampai kepada pihak kerajaan dan hendak menunjukkan kepada rakyat bahawa ulamak-ulamak tidak bersetuju dengan cara itu. Jika kita hendak telefon dia sendiri (pemimpin kerajaan) mereka takkan nak angkat telefon? Siapalah kita dan siapalah dia.

Kerajaan juga mendakwa, mengapa ulamak tidak mahu masuk politik? Bagi saya, cakap ulamak itu politiklah. Bukan maknanya kita hendak menghentam kerajaan. Kita cuma menghentam dasar mereka yang tidak betul sahaja.

Dalam hal ini Ustaz, kerajaan juga menyalahkan ulamak kerana ulamak hanya tahu menghentam kerajaan tetapi tidak memberi jalan penyelesaian yang terbaik untuk melaksanakan agenda pembangunan negara.

Bukankah dalam kerajaan sudah ada ulamak? Ulamak itulah yang sepatutnya menyampaikan segala-galanya untuk kepentingan rakyat dan negara. Ulamak yang ada di dalam jentera kerajaan sudah mencukupi, tidak perlu lagi ulamak-ulamak di luar. Bermakna sudah ada wakil ulamak di Parlimen seperti ulamak PAS dan ulamak Umno. Orang-orang Umno pun banyak yang mengaji agama, kalau mereka tidak tahu, bisik-bisiklah kepada ulamak mereka, apakah yang perlu mereka katakan di dalam Parlimen.

Kerajaan juga tidak melantik seorang ulamak untuk menjadi senator sebagai wakil ulamak. Hanya dalam Dewan Undangan Negeri seperti di Perlis, mufti bertaraf Exco tetapi dengan syarat mufti tersebut tidak makan gaji kerana apabila takut jawatan terlucut, akhirnya mereka menjadi pengampu sahaja!

Jika ulamak menjadi Exco, adakah ia memberi peranan yang besar?

Kalau kerajaan inginkan Islam tertegak dalam negara ini, cakap ulamak itu perlu didengar. Kalau tidak, apa gunanya ulamak dimasukkan ke dalam anggota Exco?

Ada yang beranggapan bahawa pendekatan dakwah oleh ulamak lebih bersifat menghukum. Mudah memberi hukum sesuatu itu sebagai halal atau haram sahaja.

Pada masa sekarang ulamak bukan "menghukum". Cakap ulamak itu yang "hukum". Ulamak menyebut yang itu haram, ia adalah "hukum" bukannya dia "memberi hukum". Ada bezanya antara "memberitahu hukum" dengan "menghukum". Bagaimanapun, memang ada di kalangan penceramah (bukan ulamak) di Malaysia yang terlalu *instant*. Baru belajar mengaji sedikit, bahasa Arab pun tidak tahu, mereka sudah dianggap ulamak. Ini yang payah! Rakyat sepatutnya perlu memilih ulamak yang sebenarnya. Masalahnya sekarang ramai penceramah yang pandai bercakap tetapi dari segi ilmunya, mereka tidak mengaji dan tidak mempunyai pengetahuan berbahasa Arab. Kita perlu memilih ulamak dalam kategori pandai mengaji, orang yang faham bahasa Arab secara mendalam, faham ilmu nahu, ilmu tafsir dan mengaji secara formal. Masyarakat akan rosak jika menganggap orang yang hebat bercakap di surau dan di masjid sebagai ulamak, sebaliknya kajilah latar belakang ulamak itu terlebih dahulu. Kaji dari mana ia mengaji. Ulamak sunggukah dia? Dan cuba uji ilmu nahunya, tahukah dia berbahasa Arab? Masalahnya orang-orang di dalam masjid pun tidak faham — pantang pandai bersyarah, mereka akan menganggapnya ulamak. Kadang-kadang pihak kerajaan sendiri tidak mengenali yang mana satu yang bukan ulamak dan yang mana satu ulamak.

Apa pandangan Ustaz tentang kenyataan Pemangku Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim bahawa pendekatan Islam perlu diambil dengan cara sederhana dan bijaksana?

Yang itu persoalan *approach*, ia berlainan dengan "memberi hukum". Bagaimanakah kita hendak mengatakan hukum tentang babi? Jelasnya, ia haram. Apakah hukum tentang arak? Ia tetap haram! Hendak *approach* apa lagi? Sederhana yang bagaimana? Adakah kita boleh katakan, "sesungguhnya babi itu kita boleh makan sikit-sikit ... " Begitukah? Yang nyata ia tetap haram. Begitu juga dengan sembahyang, ia tetap fardhu. Hendak cakap macam mana lagi?

Tidak boleh seperti apa yang mereka mahu, misalnya apabila menyebut benda-benda seperti konsert, mereka mahu melencong ke sana, melencong ke sini. Yang haram, tetap haram. Hukum tetap hukum. Hendak dibuat pendekatan bagaimana lagi? Hendak sederhana macam mana lagi? Itupun bergantung kepada bagaimana kita hendak menyampaikannya. Yang ini dinamakan *approach*. Bukan masalah hukum yang kita perlu terangkan. Kalau kita nampak orang perempuan memasuki pertandingan ratu cantik, kita nak kata apa? Halal atau haram? Akhirnya jadi "halamlah" (halal+haram) hukumnya. Jadi, tulislah ... kerajaan cuba hendak "menghalamkan" (halal tidak, haram pun tidak) kesemua itu, bukan cuba hendak mengharamkannya. Biarlah Anwar dengar sikit apa yang saya cakap ini! Mesti dia telefon saya nanti.

Kerajaan tidak menggunakan segala kuasa yang sedia ada untuk menegakkan negara Islam. Apa komen Ustaz?

Kita sedia maklum tentang kuasa yang ada pada negara. Kalau kerajaan boleh menghukum gantung pengedar dadah, yang di dalam Islam tiada dinyatakan hukuman gantung tetapi ia masih boleh menggantungnya. Kenapa ia boleh dilaksanakan? Orang yang membawa pistol yang belum membunuh orang lagi boleh dihukum bunuh, mengapa itu tidak ada bantahan?

Maknanya kerajaan boleh melaksanakan sesuatu tanpa menyebut Islam itu ... jalankanlah sahaja. Hendak menyebut Islam pun takut. Maka disebutlah "penerapan nilai-nilai murni". Hendak diterapkan apa pada masa sekarang? Semuanya tidak ada. Sepatutnya cubalah laksanakan, misalnya seperti di pejabat, letakkanlah tanda amaran: "Dilarang Orang-orang Islam Membuka Aurat!" Orang hendak komplek macam mana kerana ia dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan arahan menteri Kabinet yang mempunyai kuasa mutlak.

Tetapi sekarang ini, orang yang berbuat baik kena tangkap. Misalnya, seperti orang yang pergi ke Makkah melalui Thailand. Sepatutnya kerajaan berterima kasih dengan orang-orang itu kerana kerajaan tidak boleh memberi kuota dan untuk mengharapkan Tabung Haji, pengurusannya lambat kerana memakan masa selama tiga hingga empat tahun. Justeru itu, mereka mempunyai pilihan untuk melalui sudut-sudut yang lain. Kerajaan sepatutnya menyokong mereka dari belakang,

sebaliknya mereka diancam, digertak, ditarik balik taraf warganegara dan bermacam-macam lagi. Inilah yang berlaku. Apabila orang yang hendak ke Makkah ditangkap, ia bukan lagi hendak menerapkan nilai tetapi hendak "meniarapkan" nilai-nilai murni.

Apa pandangan Ustaz tentang isu-isu yang digembargemburkan mutakhir ini? Dikatakan apa yang berlaku ini disebabkan tiadanya penerangan meluas terhadap undang-undang yang baru digubal. Contohnya tentang pengharaman ratu cantik, katanya, orang ramai masih lagi keliru, dan tidak tahu ia satu kesalahan.

Sebenarnya mengenai undang-undang ini, kitalah yang mencari undang-undang. Umpamanya undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan, ada siapa yang baca kesemuanya? Berlambak orang ditangkap kerana pelbagai kesalahan di jalan raya tetapi mengapa mereka diam apabila ditangkap? Undang-undang tanah, undang-undang sewa-menyewa, undang-undang laut dan undang-undang jual beli, kita tidak membacanya tetapi mengapa ia boleh terlaksana?

Bolehkah apabila timbul masalah mengenai undang-undang, kita kata, "kami tidak tahu!" Kita pergi ke Singapura dan ditangkap oleh orang Singapura, bolehkah kita kata, "eh ... mana boleh, saya tak tahu!"

Berbalik pada undang-undang di Malaysia, peringkat pertama kerajaan perlu sebarkan kefahaman undang-undang. Jika tidak disebar, rakyat tidak akan tahu

dan sampai bila-bila pun mereka tidak akan tahu.

Masyarakat juga masih lagi keliru tentang pakaian wanita yang menjolok mata. Hanya mereka yang menyertai pertandingan ratu cantik diambil tindakan, bagaimana pula atlit wanita yang juga memakai pakaian sukan yang menjolok mata?

Pakaian sukan yang menjolok mata, kita juga tidak setuju. Orang perempuan memakai bikini di dalam kolam renang, bermain bola, tenis dan seumpamanya, memanglah ... Ia juga dilarang. Berkenaan dengan ratu cantik, yang ini jelas dari segi tindakannya, kerana terang-terang mereka mempertandingkan tubuh badan dan kecantikan. Secara tidak langsung mereka memberi peluang memenuhkan nafsu kaum lelaki. Kebanyakan pengadilnya diambil daripada orang lelaki belaka.

Di Amerika, kaum wanitanya menentang pertandingan ratu cantik kerana menjadikan perempuan macam lembu. Maksudnya macam lembu kerana dipertandingkan lembu itu untuk mencari *body* yang bagus dan cantik. Kalau lembu itu cantik maka ia akan dibeli. Sama juga perempuan yang dipertandingkan itu, macam lembu! Betul-betul macam lembu! Maknanya kehidupan perempuan itu semata-mata untuk memberi kepuasan nafsu golongan lelaki. Yang lain tidak ada. Jadi nampak tak, ia macam lembu?

Di Australia dan Amerika, ada suatu kawasan dihaskan untuk orang bertelanjang bulat. Siapa yang hendak masuk ke kawasan itu dipersilakan berbogel

terlebih dahulu, tidak kira lelaki ataupun perempuan. Serupa macam lembu.

Kadang-kadang mereka yang memakai seluar akan diasingkan dan yang bertelanjang akan dibenarkan "bersidai" di tepi pantai. Apabila datang bot-bot menjual makanan, berebut-rebut mereka dalam keadaan telanjang bulat. Kalau ada lembu di situ tentu ia akan malu. "Lebih kurang macam aku," kata lembu.

Bagaimanakah pendapat Ustaz tentang saranan agar kita perlu bersikap liberal supaya tidak menyinggung hati dan perasaan orang-orang bukan Islam.

Dalam Islam ada dinyatakan "*lakum dinukum wali yadin*" (bagimu agamamu, bagiku agamaku). Dari segi Islam, tidak ada tolak ansur dan tiada toleransi dalam beragama. Yang dibolehkan bertolak ansur adalah dalam masalah-masalah lain. Kalau hukumnya "tidak boleh", kita tidak boleh katakan "boleh". Maknanya, kita tidak boleh sentiasa menjadi orang yang apologetik semata-mata kerana hendak menjaga hati orang. Maka itu sebabnya kita tidak sembahyang di depan orang. Kita tidak perhatikan yang orang bukan Islam sepatutnya yang menjaga hati kita. Sepatutnya orang Barat menjaga hati orang kita, bukannya kita menjaga orang Barat kerana Islam adalah agama yang paling mulia. Jadi, mengapa kita perlu muliakan mereka?

Selalunya kita yang silap, terlalu melebihkan orang. Dengan anak-anak, kita biarkan mati tidak makan asalkan orang lain yang makan. Itu tidak kena. Dalam

al-Quran ada dinyatakan, maksudnya: "Pemberian nafkah bermula dengan keluarga dahulu barulah orang lain."

Memang kita katakan bahawa orang Barat tidak faham tetapi kita berilah kefahaman kepada mereka tentang konsep Islam. Kalau Khomeini boleh sedarkan orang Barat, mengapa kita tidak boleh?

Mengenai konsep dan kefahaman Islam ini, kepada siapa dahulu yang patut kita perelaskan?

Sekarang kita perlu perjelaskannya kepada orang Islam agar mereka faham. Orang Islam masih ramai lagi yang belum Islam sepenuhnya. Penjelasan ini boleh disalurkan melalui suratkhobar, televisyen, dan radio. Saluran media mempunyai pelbagai peluang untuk mengembangkan Islam. Malangnya program agama diadakan seminggu sekali, itupun orang-orang tertentu digam juga pula. Maksudnya orang yang terpilih (ahli panel forum) sudah dipilih-pilih untuk mengikut kehendak "mereka".

Kalau hendak dikatakan Ustaz digam, tetapi baru-baru ini Ustaz muncul di kaca TV dalam program *Minda dan Al-Kulliyah*...

Sebenarnya bukan RTM yang menggam saya tetapi pihak-pihak yang berkenaan! Kalau saya bercakap dalam rancangan *Hal Ehwal Islam*, siapa yang menjaga rancangan itu kalau tidak Pusat Islam?

Bermakna Ustaz masih lagi bebas bersuara di kaca TV?

Di mana-mana pun boleh tetapi hanya tidak boleh bercakap fasal Islam dalam TV kerana yang menjaganya Pusat Islam. Jadi yang menggam saya ialah Pusat Islam! Kalau saya digam oleh RTM, saya tidak boleh masuk ke dalam ruangan *Minda* dan saya tidak dijemput oleh RTM untuk berceramah. Bagaimanapun ada sesetengah saluran radio yang tidak boleh mengisytiharkan nama saya, misalnya seperti, "Hari ini ada ceramah di tempat-tempat sekian disampaikan oleh Ustaz Ismail Kamus." Pengumuman seumpama itu tidak boleh dinyatakan. Yang dinyatakan cuma secara umum, misalnya, "ada ceramah oleh penceramah jemputan". Nampak hebatnya, betapa bencinya orang Pusat Islam kepada saya ...

Tidak tahulah mengapa mereka benci kepada saya. Biasanya "kalau hendak mengapak pokok itu ialah dengan kapak. Ulu kapak diperbuat daripada kayu untuk menebang kayu." Jadi orang yang hendak menumbangkan ustaz selalunya terdiri daripada kalangan ustaz juga.

Apa pendapat Ustaz sekiranya tempat-tempat terbuka seperti Dataran Merdeka diberi laluan kepada penceramah.

Itu memang bagus. Setakat ini sudah ada program agama diadakan di sana dan sambutannya amat menggalakkan. Sebenarnya di mana-mana pun sambutan orang ramai begitu menggalakkan.

Bagaimana pula pendapat Ustaz tentang gejala sosial di kalangan masyarakat elit atau atasan yang banyak melakukan penyelewengan kuasa, korupsi, dan sebagainya. Mengapa gejala sosial selalunya dikaitkan hanya dengan golongan muda-mudi?

Mengenai gejala sosial pada masa sekarang, memang banyak pihak memandang kepada orang muda kerana ia lebih terdedah. Sedangkan orang atasan juga melakukan gejala sosial. Misalnya, rasuah dilakukan dengan senyap di dalam pejabat. Mereka pergi ke kelab malam, snoker, dangdut, dan karaoke. Ini dilakukan oleh orang tua-tua dan berpangkat. Orang muda-muda apabila melepak di tempat awam maka senang nampaklah.

Bagaimanakah caranya kita hendak membetulkan orang atasan agar tidak terjebak ke dalam gejala sosial kerana apabila "kepala membuat noda, ekor juga akan menanggung akibatnya".

Kita cuba mencari jalan agar dakwah sampai kepada pihak atasan. Pihak atasan perlu membuat satu kursus, dan kelas pengajian agama kepada orang atasan. Masalahnya, bagaimana hendak membuat kursus kalau mereka juga sama-sama tidak faham? Bagaimanapun boleh diadakan kelas pengajian ilmu, kefahaman dan peningkatan Islam kepada orang-orang kerajaan dan orang politik supaya mereka ada masa terluang mendengar ceramah. Bukannya mendengar ceramah pada waktu rasmi seperti Maulud Nabi, Israk Mikraj, dan awal Muharram itupun untuk tujuan merasmikan

ceramah. Habis sahaja ceramah selama sejam, selepas itu mereka mengulangi perbuatan yang sama.

Mereka datang ke majlis-majlis agama kerana jemputan, kalau tidak hadir mereka akan dikenakan tindakan. Itu sahaja, tidak ada guna apa-apa pun. Sepatutnya ada *follow-up* selepas itu.

Apakah caranya untuk menaikkan taraf Mufti setanding dengan peranan yang dimainkannya. Jabatan Agama juga sepatutnya lebih tinggi tarafnya berbanding jabatan-jabatan kerajaan yang lain lain.

Dari segi taraf Mufti itu sendiri, hierarkinya memang tidak tinggi dari segi jawatannya. Taraf jawatannya tidak diangkat lagi, dan perkataannya masih tidak didengar orang. Apabila dibuat mesyuarat, di pihak lain tidak bersetuju sedangkan kata-kata ulamak adalah paling utama. Jika kata-kata ulamak tidak didengari, tiadalah ertinya. Justeru, hierarki ulamak atau Mufti perlu dinaikkan tarafnya.



Zahid Hamidi ketika bersama keluarga di rumahnya di Country Heights. Tidak mustahil Zahid akan dilantik menteri penuh apabila rombakan Kabinet sebenar dibuat nanti.



Ketika wartawan tempatan begitu sukar untuk membuat wawancara eksklusif dengan Anwar, wartawan Asiaweek dibenarkan masuk ke bilik Anwar walaupun jam sudah hampir 11.00 malam. Bukankah Asiaweek yang melagakan Anwar dan Mahathir?



PEJABAT PENDAFTAR SYARIKAT
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA
TINGKAT 18-20
BANGUNAN KEMAS
JALAN RAJA LAUT
60350 KUALA LUMPUR

Tahun 2022/23
2022/23
2022/23

DAFTAR SYARIKAT BERSEKUTUAN
(PARTNERSHIP COMPANIES)

1	220064	SMARTCARD SYSTEMS (M) SDN. BHD.	Pengerah
2	224192	MEDIVEST SDN. BHD.	Pengerah
3	223170	U.C.M. INDUSTRIAL CORPORATION SDN. BHD.	Pengerah
4	220134	COUNTERTRADE (MALAYSIA) SDN. BHD.	Pengerah
5	224992	WICKERSON (MALAYSIA) SDN. BHD.	Pengerah
6	222244	FORNIS COMPUTER SERVICES SDN BHD	Pengerah
7	2000901	TONGKOH HOLDINGS BERHAD	Pengerah
8	2000901	TONGKOH HOLDINGS BERHAD	Pengerah
9	2000901	TONGKOH HOLDINGS BERHAD	Pengerah
10	2000901	TONGKOH HOLDINGS BERHAD	Pengerah
11	224200	NUBERFLEX SDN. BHD.	Pengerah
12	222075	TECHDIP SDN. BHD.	Pengerah
13	222000	SENI ESMERALDA SDN. BHD.	Pengerah
14	222200	M-OCEAN DIVINE SDN. BHD.	Pengerah
15	222620	COGNITECH CORPORATION SDN. BHD.	Pengerah
16	222710	SENI LABEMBA SDN. BHD.	Pengerah
17	222620	COGNITECH CORPORATION SDN. BHD.	Pengerah
18	222710	SENI LABEMBA SDN. BHD.	Pengerah
19	222160	ACTIVE QUEST SDN. BHD.	Pengerah
20	221000	LINDOKWING INSTITUTE OF CREATIVE TECHNOLOGY	Pengerah
21	203200	AUTONOTIVE CONVERSION ENGINEERING SDN. BHD.	Pengerah
22	205000	PETROPROJECT SDN. BHD.	Pengerah
23	207007	LICA DESIGNS SDN. BHD.	Pengerah
24	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
25	207007	LICA DESIGNS SDN. BHD.	Pengerah
26	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
27	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
28	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
29	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
30	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
31	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
32	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
33	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
34	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
35	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
36	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
37	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
38	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
39	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
40	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
41	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
42	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
43	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
44	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
45	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
46	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
47	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
48	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
49	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
50	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
51	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
52	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
53	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
54	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
55	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
56	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
57	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
58	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
59	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
60	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
61	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
62	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
63	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
64	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
65	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
66	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
67	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
68	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
69	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
70	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
71	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
72	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
73	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
74	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
75	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
76	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
77	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
78	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
79	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
80	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
81	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
82	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
83	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
84	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
85	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
86	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
87	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
88	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
89	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
90	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
91	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
92	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
93	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
94	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
95	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
96	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
97	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
98	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
99	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah
100	203274	MILAI DAGANGAN SDN. BHD.	Pengerah

Antara syarikat milik Mokhzani Mahathir. Menurut carian di Pejabat Pendaftar Syarikat, Kuala Lumpur penghujung tahun 1994. Ketiga-tiga beradik, Mokhzani, Mukhriz dan Mirzan menjadi pengarah kepada lebih 210 syarikat.

Falling ringgit: Why bother?

On Aug 18, though it barely raised mention in the Malaysian Press, the ringgit breached RM1.00 to the US dollar temporarily, falling to its lowest level ever since 1973.

A quarter of a century earlier, the system of fixed exchange rates had been introduced, inaugurating a new international monetary regime with mixed consequences.

The current regime is therefore relatively new, beginning after America's unilateral withdrawal from the Bretton Woods' regime of fixed exchange rates which had pegged the ringgit to the dollar at RM1, and the dollar to gold at US\$35 per ounce.

There is little publicly available evidence so far that the recent financial and monetary crises in Southeast Asia have been manipulated by Western powers.

While George Soros — who publicly says that he has retired from active management of the firm which bears his name, to concentrate on his philanthropic and other activities — has undoubtedly supported anti-SLORC campaigns through his Open Society Foundation, as he has supported the Bosnian cause, he would be in very serious trouble if, indeed, he deployed the funds under his firm's management for political, rather than profit-making ends.

This is partly why international observers do not believe Southeast Asian claims that the recent crises were of Soros' making.

Why the Crisis?

Very briefly, the export-led growth of Southeast Asian economies since the late 1960s was followed by a construction and property boom, fuelled by financial sectors favouring such "short-termist" investments — involving loans with collateral which bankers like — over more productive but often also more risky investments in manufacturing and agriculture.

The exaggerated expansion of investment in such non-tradeables has exacerbated current account trade deficits, which have, in turn, become more significant for financial investors due to financial liberalisation.

Some first-generation East Asian newly industrialising countries had proportionately much higher current account deficits in an earlier era when such indicators had not attained their current significance

COMMENT

By Jomo K.S.

in financial markets.)

The property finance surge was much stronger in Thailand, which made it much more vulnerable to the collapse of such a bubble, comparable — in some ways — to the Japanese experience.

Believing the Southeast Asian region to be much more integrated than it really is, fund managers based outside the region generally know little about regional differences and nuances, and are prone to herd behaviour, causing a domino effect.

Perhaps more importantly, the very logic of hedge funds exacerbates this phenomenon, with disastrous snowball consequences for the region.

Regional and local currency speculators also need to be held responsible, but it should be remembered that, however disruptive the consequences, they are only reacting to perceived market trends.

The common practice of farming out hedge fund management could well mean that the Soros group may be much more involved in the region than the paltry amount they have admitted to so far.

But even then, it is difficult to prove that Soros manipulated the recent developments.

Who's the Devil?

The devil is the unfettered market itself, which induces the behaviour causing the disastrous consequences we have seen.

In the wake of Mexico's tequila crisis some years ago, even the International Monetary Fund stepped back from its previous advocacy of virtually unfettered liberalisation.

But unfortunately, the short-termism of financial markets extends to our memories and related policy-making as well.

In 1986, management guru Peter Drucker published an influential article about what he called the changed world economy. He noted *par excellence* that the volume of international financial transactions in the mid 1980s was already worth more than ten times as much as real economic transactions (trade, direct investments, etc), and noted some dangerous implications of this trend.

More than a decade since and with the recent proliferation of new financial instruments and markets, the volume of foreign exchange trading was more than 87 times the value of international trade in 1986.

In February, Soros published an important essay entitled "The Capitalist Threat" arguing that the unregulated expansion of capitalism threatens to undermine its own future, i.e. that capitalism has to be saved from itself.

He readily admits that he himself has profited greatly from financial liberalisation. His role in the 1992 collapse of sterling is well known.

Yet, he argues that excessive liberalisation has been resulting in virtual anarchy, which is dangerous for the stability so necessary for the orderly capitalist growth and democratic development desired by his vision of a Popperian "open society".

Ever since Lord Keynes advocated "throwing sand" into the financial system to check the potentially disastrous consequences of unfettered liberalisation, Keynesians — and others — have been wary of the financial liberalisation advocated by ideological neo-liberals and their often naive allies.

Natal laureate in economics, James Tobin has called for a tax on foreign exchange spot transactions to facilitate more independent national monetary policy, discourage speculative capital movements, and increase the relative weight of the long-term economic fundamentals against more short-termist and speculative considerations, besides more than adequately funding the United Nations system and programmes.

As many — including Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed — have pointed out, the international financial system and its further liberalisation have favoured those already dominant and privileged in the world economy, largely at the expense of the real economy and development in the South.

Opportunity? For Malaysia, the problem has been cushioned by

several developments.

The Government has been privatising profitable projects and enterprises while socialising costs on unprofitable projects, thus ironically, the private sector has been partially protected from the resurgence of public sector profligacy.

By allowing more foreign purchases of real property the Government has also been able to sustain demand in the property market.

In response to concerns about excessive lending to the property sector (raising the spectre of a repeat of 1980-4) Bank Negara checked such lending from March.

However, despite continued rapid growth, some strong fundamentals, not all is well.

The depreciation of the ringgit is not entirely attributable to financial speculation or liberalisation, or even to subjective factors.

But while it has adversely affected the financial sector, it may not be all that bad for the real economy.

After all, Japan, Britain, and Southeast Asia's newly industrialising economies, including Malaysia, have recently grown faster after their currencies were depreciated.

The Government might also be forced to become more fiscally prudent, as it did in responding to the 1984-5 economic crisis.

It would not only gain popularity, but would also be seen to be more responsible and accountable by dropping economically indefensible projects.


It could also become more determined in ensuring that growth is primarily based on the development of Malaysian human and other resources, rather than continuing to rely on the inflow of cheap foreign labour, foreign capital and technology.

The cheaper ringgit would help make exports much more competitive than they would otherwise be.

As the Chinese character for crisis reminds us, it involves both danger and opportunity.

The writer is a professor at Universiti Malaya and president of the Malaysian Social Science Association. His most recent books include *Southeast Asia's Misunderstood Miracle* (Jomo et al., Westview, 1997), *Malaysia's Political Economy* (Gomez and Jomo, Cambridge University Press, 1997).

Cuba baca analisis Dr Jomo tentang fenomena kejatuhan nilai ringgit. Di sebalik buruk mungkin ada baiknya insiden ini.



Walaupun Sanusi sibuk dengan Kampung Buku di Langkawi, jangan ingat dia tak tahu apa yang berlaku di Kuala Lumpur.



Gambar kuda lagi! Anwar menerima lukisan daripada Ronald Khoo. Duduk di kiri sekali ialah T Ananda Krishnan.



Apa agaknya yang dinasihatkan Dr Yusof Noor kepada Anwar. Anwar patut belajar dengar sikit cakap orang lain.



Apa yang Mahathir pukul tu? Turut kelihatan, Timbalan Menteri Belia dan Sukan bersama Setiausaha Parlimennya. Menterinya, Muhyiddin Yassin ke mana menghilang?



Seronok nampak Pak Lah duduk di tengah-tengah. Siapa yang raikan siapa?



Marina Mahathir dalam satu majlis anjuran Freemason.